

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 12

Hari Isnin

2 Jun 1997

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN
PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara
(Penggantian dan Pembubaran) 1997

(Ruangan 42)

Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional Berhad 1997

(Ruangan 55)

Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997

(Ruangan 105)

Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997

(Ruangan 136)

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Mesyuarat Pertama
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., (Johor) P.P.N.
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sun (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 2hb. Jun, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Eng Hoi Choo.

Tuan Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 1.

PEMBANGUNAN DI KAWASAN BUKIT -
PENGUATKUASAAN

1. Tuan Charern Intachat [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan kes pembangunan di atas bukit yang gagal mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dan tindakan-tindakan yang diambil terhadap mereka.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]:

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan terhadap pembangunan di kawasan bukit adalah terletak kepada bidang kuasa pihak berkuasa tempatan dan negeri. Oleh itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak menyimpan angka mengenai bilangan projek-projek di kawasan bukit yang gagal mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, bagi projek-projek yang gagal mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan terutama sekali di peringkat pelaksanaan kerja-kerja tanah, pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan arahan untuk menghentikan kerja dan mengarahkan pemaju terbabit mematuhi semua kehendak yang ditetapkan sebelum kerja-kerja tanah itu dibenarkan disambung semula.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai peraturan ataupun dasar perumahan bagi kawasan bukit dan hutan sebelum kelulusan sesuatu pelan pembangunan?

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan mempunyai undang-undang dan garis panduan untuk mengawal pembangunan di kawasan bukit. Pada umumnya kerajaan tidak melarang pembangunan di kawasan bukit tetapi kerajaan juga tidak menggalakkan pembangunan di kawasan bukit kalau terpaksa sesuatu kawasan bukit dibangunkan, maka syarat-syarat yang ketat perlu dipatuhi.

PEGAWAI KERAJAAN YANG MUFLIS - SEBAB

2. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) sebab-sebab kenapa seseorang itu jatuh muflis dan apakah ruginya menjadi muflis; dan
- (b) berapa ramaikah pegawai dan kakitangan kerajaan menjadi muflis sejak tahun 1996 hingga sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sebab-sebab menjadi bankrap ini pertamanya, di antara lain ialah kegagalan dalam perniagaan, menjadi penjamin kepada pinjaman yang diambil oleh orang lain, kemudian tidak boleh bayar, belanja melebihi pendapatan, mengguna kad kredit tanpa kawalan, kemerosotan ekonomi dan bencana alam seperti berlaku kebakaran premis perniagaan, kecurian, banjir dan sebagainya.

Sebagai seorang bankrap seseorang itu tidak boleh melakukan perkara-perkara berikut:-

- (i) tidak boleh meneruskan tindakan mahkamah tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Pegawai Pemegang Harta kecuali kalau tindakan yang melibatkan injury, dengan izin, kepada dirinya sendiri;
- (ii) orang yang bankrap tidak boleh keluar negeri tanpa kelulusan Pegawai Pemegang Harta atau mahkamah;
- (iii) tidak boleh menjalankan perniagaan sendiri atau perkongsian atau menjadi pengarah atau terlibat dalam pengurusan syarikat tanpa kelulusan Pegawai Pemegang Harta atau mahkamah;
- (iv) tidak boleh bekerja dengan syarikat yang dimiliki oleh isterinya, adik beradiknya dan saudara-maranya tanpa kelulusan Pegawai Pemegang Harta atau mahkamah;
- (v) tidak boleh bekerja atau menjadi ahli jawatankuasa mana-mana pertubuhan berdaftar;
- (vi) tidak boleh dilantik sebagai hakim;
- (vii) tidak boleh dilantik sebagai ahli majlis perbandaran atau majlis tempatan juga Ahli-ahli Parlimen, ADUN dan Senator tidak boleh jikalau bankrap;
- (viii) tidak boleh meminjam wang melebihi RM100 tanpa memberitahu peminjam bahawa beliau adalah seorang bankrap;
- (ix) tidak boleh menerima harta yang bernilai lebih RM500 tanpa memberitahu Pegawai Pemegang Harta; dan

- (x) tidak boleh memiliki harta dan peralatan peribadi yang melebihi RM5,000.
- (b) bilangan kakitangan kerajaan yang bankrap sehingga 31hb. Mac 1997 ialah 908. Ini mengikut rekod yang ada pada masa ini.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan bahawa antara sebab kenapa seseorang itu jatuh muflis ialah menjadi penjamin. Apakah kementerian mempunyai satu kriteria di mana penjamin ini tidak akan terbeban sehingga mengakibatkan penjamin ini muflis walhal orang yang dijamin masih berleluasa, masih menggunakan segala kemudahan malah di luar negara mereka mempunyai business yang boleh dikatakan sepatutnya boleh membayar apa yang telah dilakukan di dalam negeri ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya tidak mempunyai peraturan berkenaan dengan siapa yang boleh menjadi penjamin melainkan hari ini kalau kita tahu bahawa wakil rakyat dan senator semua tidak boleh menjadi penjamin. Yang lain-lain itu, mereka boleh menjadi penjamin kerana ini merupakan persetujuan daripada mereka sendiri, tidak siapa yang boleh dipaksa untuk menjadi penjamin dan jaminan ini perlu memandangkan untuk seseorang itu untuk mendapatkan pinjaman daripada bank atau lain-lain lagi dan dia merupakan jaminan yang paling minimum dan mudah untuk diperolehi oleh seseorang itu untuk mendapat pinjaman.

Jadi, sebab itu, tidak ada peraturan berkenaan dengan apakah, dengan izin, protection yang harus diberikan kepada penjamin kerana penjamin ini memangnya sebelum dia menjadi penjamin dia tahu bahawa dia bertanggungjawab kalau sekiranya

peminjam itu tidak membayar balik wang yang telah diambil sebagai pinjaman daripada bank-bank dan lain-lain lagi.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hukuman terhadap permasalahan yang akan dikenakan kepada rakyat yang muflis, kita dapati setakat ini had undang-undang ialah sebanyak RM10,000 dan sebelum itu pun sebanyak RM2,000, tetapi apabila kita melihat kepada nilai RM10,000 ini berbanding dengan suasana perdagangan, perindustrian dan perniagaan di negara kita agak rendah kerana tujuan kemuflian seseorang ialah amat murni di bidang undang-undang. Apakah kerajaan bercadang untuk menaikkan lagi had seseorang itu untuk dimufliskan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan jumlah lebih daripada RM10,000 kerana walaupun kita bertujuan bukan untuk memufliskan mereka yang benar-benar membuat perniagaan dan telah gagal, tetapi kalau kita menaikkan had itu lebih daripada RM10,000 dalam masyarakat kita banyak orang-orang yang akan menggunakan kesempatan ini untuk membuat pinjaman dan kemudian tidak membayarnya kerana mereka sanggup dan rela untuk menjadi muflis.

Kita juga bertanggungjawab untuk memberi, dengan izin, protection, kepada bank-bank dan institusi kewangan dan kita merasakan iaitu bahawa kalau jumlah ini dinaikkan lebih daripada RM10,000, maka kita akan tidak dapat untuk membantu bank-bank daripada tertipu daripada mereka yang tidak menjadi masalah untuk menjadi muflis, mereka meminjam wang ini kemudian tidak bayar langsung dan RM10,000 ini merupakan satu jumlah yang besar. Jadi, itu pun sudah agak tinggi nilai RM10,000 itu, sebab itu kita tidak bercadang untuk menaikkan jumlah tersebut.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang itu muflis, pihak Pemegang Amanah Raya akan memanggil semua harta kepunyaan seseorang yang muflis. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa setengah mereka yang muflis itu mempunyai harta di luar negara. Jadi, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengadakan perjanjian umpamanya kalau seseorang itu ada membuat kegiatan jenayah, ada 'extradition treaty' dengan setengah-setengah negara, jadi, adakah pihak

kerajaan bercadang untuk membuat perjanjian dengan negara-negara luar supaya harta-harta yang dimiliki di luar negara juga boleh dipanggil ataupun dikumpulkan, diambil oleh pihak Pemegang Amanah Raya?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau muflis ini ialah muflis per se maknanya dia tidak terlibat dengan jenayah, maka kita tidak berkeupayaan untuk mengadakan ataupun meminta supaya negara-negara yang lain mempunyai 'treaty' dengan kita untuk memanggil balik harta ini kerana dia merupakan satu bankrapsi yang biasa. Tetapi, kalau seseorang itu jadi muflis kerana jenayah, mungkin dengan setengah-setengah negara kita mempunyai 'extradition treaty' dan mungkin boleh digunakan 'treaty' ini. Tetapi kalau muflis biasa, kita tidak ada kuasa untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Zainal bin Md. Deros

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 3.

SEKOLAH BESTARI (SMART SCHOOL) - SYARAT KEMASUKAN

3. **Tuan Hanipah bin Ahmad [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apa itu sekolah Bestari (Smart School); dan
- (b) apakah syarat-syarat untuk memasuki sekolah pintar ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sekolah Bestari adalah merupakan salah satu daripada 7 aplikasi flagship dalam Koridor Raya Pelbagai Media (Multimedia Super Corridor atau MSC). Sekolah Bestari ini lebih menekankan pembelajaran bercorak terarah sendiri, mengikut kaedah individual, berkesinambungan dan reflektif. Hal ini akan berlaku dengan adanya

pembekalan teknologi pelbagai media dan jaringan yang meliputi seluruh dunia. Kemudahan ini bermakna pembelajaran beranjak daripada berpusatkan guru kepada pembelajaran yang berpusatkan pelajar.

- (b) Sekolah Bestari tidak mengenakan apa-apa syarat kepada pelajar untuk memasukinya. Ia sebenarnya terbuka kepada semua pelajar.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertanya soalan ini, saya hendak mengalu-alukan juga The Honourable Mr. Ibrahim Abas, Ahli Parlimen dari Maldives yang ada dalam Dewan ini dan saya ingin mengalu-alukan kehadiran beliau ke Dewan Negara ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun sekolah ini terbuka untuk semua pihak, saya hendak tahu apakah kriteria pemilihan pelajar-pelajar ke sekolah ini? Adakah sekolah-sekolah ini keutamaannya akan diberi kepada anak-anak kaya, anak-anak orang yang berkedudukan tinggi atau pun sebagainya?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sekolah ini adalah terbuka kepada semua khususnya kepada pelajar-pelajar dari kawasan desa dan kawasan luar bandar. Misalnya daripada 90 buah sekolah yang dikenalpasti akan menjadi Sekolah Bestari di Fasa I termasuklah beberapa buah sekolah di pedalaman yang belum mempunyai bekalan elektrik dan sebagainya.

Melalui program ini Kementerian Pendidikan bukan sahaja untuk mempertingkatkan kemudahan, tetapi juga mempertingkatkan imej sekolah-sekolah ini.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya punya soalan tadi, latar belakang pelajar bagaimana? Adakah latar belakang pelajar miskin ataupun golongan

pelajar daripada keluarga yang kaya. Jadi, Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya, beliau jawab lain tadi.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang pengambilan pelajar adalah mengikut lokasi sekolah itu, kalau lokasi sekolah itu adalah di luar bandar ia adalah untuk keluarga-keluarga yang berdekatan dengan sekolah itu. Erti yang saya terangkan tadi ialah oleh kerana kita pilih sebuah sekolah dari seluruh negara, seperti kawasan luar bandar, kawasan pedalaman dan sebagainya, ertinya sekolah-sekolah tersebut terbukalah kepada semua pelajar termasuklah pelajar-pelajar yang miskin, yang duduk berdekatan dengan sekolah-sekolah tersebut.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang kita dengar tadi daripada pihak kementerian menerangkan bahawa Sekolah Bestari ini cuma ada 90 buah sekolah dan cara pembelajarannya menggunakan media-media elektronik yang terkini.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, setelah pelajar-pelajar ini menamatkan pelajaran mereka di sekolah-sekolah apabila mereka hendak memasuki institusi pengajian tinggi, adakah mereka ini dikhususkan kepada institusi-institusi pengajian yang khusus yang akan dibina oleh kerajaan ataupun institusi-institusi yang ada sekarang ini yang akan diupgradekan keadaannya supaya dapat menampung pelajar-pelajar yang mungkin lebih baik dari segi pengalaman dan juga kemudahan-kemudahan yang telah mereka dapati daripada sekolah-sekolah menengah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya 90 buah sekolah itu adalah Fasa I, akhirnya tujuan Kementerian Pendidikan ialah untuk mempertingkatkan dan menjadikan semua sekolah di negara kita sebagai Sekolah Bestari.

Mengenai kemasukan pelajar-pelajar dari Sekolah Bestari ke universiti, pada peringkat sekarang, oleh kerana kita rasa tujuannya ialah untuk mempertingkatkan asas pembelajaran pelajar-pelajar tersebut khususnya mereka yang dari kawasan luar bandar. Jadi, pada peringkat sekarang Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa mereka akan dimasukkan ke universiti-universiti yang biasa yang ada sekarang. Tetapi melalui konsep Sekolah Bestari itu asas pembelajaran pelajar-pelajar itu akan dinaikkan dan mereka akan dengan jayanya mengikuti kursus di universiti apabila mereka memasuki universiti tersebut.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah terkeluar dari tajuk asal.

Tuan Yang di-Pertua: Memerlukan notiskah!

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Saya minta notislah.

Tuan N. Marimuthu: Notis, saya setuju, tetapi pada hari itu saya bertanya Menteri penuh pun tidak menjawab soalan ini. Jadi kepada siapakah saya mahu tanya soalan ini? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tulis suratlah kepada Menteri Pendidikan.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

UNIVERSITI TELEKOM - HARGA BORANG PERMOHONAN

4. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapakan borang permohonan untuk memasuki Universiti Telekom dijual pada harga RM20.00 senaskah sedangkan kos mencetak borang berkenaan tidaklah begitu mahal. Adakah penjualan borang ini bermotif untung kepada STMB.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, berasaskan unjuran yang dibuat di peringkat awal, Universiti Telekom memutuskan bahawa RM20.00 merupakan harga yang sesuai untuk borang kemasukan ke Universiti Telekom. Harga berkenaan bukan harga untuk kos kertas borang tersebut dan percetakannya, tetapi adalah merangkumi kos kegiatan yang berkaitan dengan borang berkenaan. Oleh itu, penetapan harga borang kemasukan ke Universiti Telekom bukan berasaskan motif untuk membuat keuntungan, tetapi ianya adalah munasabah dan berupaya mendapatkan kembali sebahagian kos yang terlibat.

Kegiatan serta kos sebenar yang terlibat adalah seperti berikut:

- (i) penerbitan prospektus - RM140,000;
- (ii) pengiklanan tentang kemasukan ke universiti - RM100,000;
- (iii) penyediaan peralatan yang berkenaan - RM160,000; dan
- (iv) cetakan borang serta bahan lain turut diedarkan kepada bakal pemohon - RM20,000.

Kos-kos ini adalah melibatkan penjualan 20,000 borang.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan borangnya pun begitu tinggi harganya RM20.00, apakah kriteria pelajar untuk memasuki ke universiti tersebut?

Yang kedua, saya ingin tahu ura-uranya untuk membangunkan universiti di negeri Melaka, kalau ya, bilakah ia akan dibangunkan?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, beberapa kriteria telah pun ditetapkan untuk pengambilan pelajar masuk ke Universiti Telekom ini dan antaranya yang mustahak sekali ialah pretasi akademik pemohon dalam peperiksaan di peringkat SPM dan STPM. Universiti yang dimaksudkan ini telah pun mula di Melaka. Telekom

Training College yang sedia ada ini telah pun dijadikan Universiti Telekom Malaysia di mana pelajar-pelajar yang berjaya memasukinya telah pun memulakan pengajian mereka pada hari ini.

Tuan Haji Kasim bin Md. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa tempat latihan telekom yang ada pada hari ini adalah untuk sementara waktu sahaja. Jadi, soalan tambahan saya di manakah kampus tetapnya akan dibina dan adakah pembinaan ini telah dimulakan?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kampus tetapnya memang ada akan dibina di Melaka dan satu kawasan telah pun dikenalpasti oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka, tetapi kawasan yang finalnya belum diputuskan oleh pihak kerajaan.

WARGA TUA TERBIAR - KAJIAN

5. Puan Sri Sarasa Pasamanikam minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) adakah kementerian telah menjalankan kajian mengenai masalah warga tua terbiar di negara kita;
- (b) apakah cadangan kementerian untuk menghadapi masalah warga tua terbiar ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanaivel]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan (a) dan (b) dengan sekali gus.

- (a)&(b) Kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap warga tua terbiar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini pada amnya sudah pun mengenalpasti kumpulan tersebut sebagai kumpulan sasaran yang perlu pertolongan dan bantuan. Tetapi kementerian belum lagi

menjalankan apa-apa kajian mengenai warga tua terbiar di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita banding jumlah penduduk warga tua di negara ini dan jumlah mereka yang kita anggap sebagai kumpulan warga tua yang terbiar, masalah ini tidak nampak seperti satu masalah yang tidak boleh dikawal. Walau bagaimanapun, kementerian memang bercadang untuk menjalankan kajian khusus mengenainya. Pada prinsipnya pendekatan kementerian ini ialah menggalakkan warga tua terus tinggal bersama keluarga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah warga tua terbiar ini disebabkan mereka tidak mempunyai waris yang mampu memberi perhatian kepada mereka ataupun mereka ini terdiri daripada golongan yang miskin? Jadi, apakah kerajaan menunggu sehingga masalah warga tua terbiar ini menjadi suatu masalah serius baru kerajaan hendak mengadakan satu perancangan khusus untuk membantu mereka?

Tuan G. Palanaivel: Tuan Yang di-Pertua, warga tua yang kita kenal pasti sebagai warga tua yang terbiar, terdiri daripada mereka yang miskin dan daif serta tidak mempunyai keluarga atau penjaga. Tetapi janganlah disalahanggapkan jawapan saya atau peranan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kita tidak menunggu sampai satu tahap di mana kita perlu bantu mereka, tetapi kita telah mengambil satu tindakan yang pada keseluruhannya boleh dikawal iaitu melalui Dasar Warga Tua kita.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Warga tua ini kita tahu bahawa setengahnya ada mempunyai anak-anak yang ramai,

tetapi kadangkala anak-anak ini membiarkan ayah atau warga tua ini terbiar begitu. Adakah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan kepada anak-anak yang membiarkan warga tua tersebut, yang terbiar begitu sahaja?

Tuan G. Palanaivel: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita tidak cadang bahawa kita mengambil tindakan terhadap mereka yang membiarkan ibu bapa mereka, tetapi kalau kita ada laporan atau kita mempunyai butir-butir yang terperinci bahawa mereka membiarkan ibu bapa mereka, kita boleh mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumahtangga. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Akta Keganasan Rumahtangga?

Tuan G. Palanaivel: *[Mengangguk kepala]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari kerajaan, mengapakah boleh berlaku warga tua terbiar ini di negara kita?

Tuan G. Palanaivel: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut dalam jawapan saya tadi, di mana-mana masyarakat dan di mana-mana negara di seluruh dunia mesti terdapat kumpulan-kumpulan yang miskin, yang daif dan tidak mempunyai keluarga atau penjaga. Bagi mereka ini kita ada rancangan untuk menjaga mereka.

SAMPAH DI JALAN RAYA DAN DI BANDAR-BANDAR - TINDAKAN TERHADAP ORANG RAMAI

6. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah orang ramai yang membuang sampah di jalan raya dan di bandar-bandar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha-usaha kerajaan mengatasi masalah pembuangan sampah di merata tempat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah

mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan supaya mempertingkatkan lagi penguatkuasaan undang-undang berkaitan.

Selain daripada penguatkuasaan undang-undang aspek pendidikan dan kesedaran awam juga dititikberatkan bagi membendung gejala-gejala pembuangan sampah di merata tempat oleh orang ramai.

Pihak Berkuasa Tempatan juga disarankan untuk melaksanakan aktiviti atau program membentuk pendidikan dan kesedaran awam di kawasan masing-masing bagi mempertingkatkan lagi tahap kesedaran orang ramai terhadap kebersihan persekitaran.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita hadapi di sini ialah pendidikan dan saya mengucapkan tahniah kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atas usahanya untuk memungut sampah sampai RM11,682,000.95 sen dibelanjakan tiap-tiap tahun diberi kepada 23 kontraktor. Tetapi masalahnya ialah kesan undang-undang terhadap pembuang-pembuang sampah di kota-kota seperti Kuala Lumpur dan juga di bandar-bandar yang lain amat ketara.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya baru datang dari Petaling Jaya, saya nampak surat khabar berselerak, berterbangan semuanya di buang di sana-sini. Minta maaflah kerana saya selalu sangat mengorek-ngorek perkara-perkara seperti ini, tetapi bukannya wakil rakyat ada kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, keberkesanannya undang-undang ini mengapa kita tidak mengikut negara jiran kita, nampak sahaja orang membuang sampah - tangkap, nampak sahaja orang buat kotor - tangkap, denda RM500. Jadi, adalah keberkesanan. Ini semua adalah pendidikan, buang sampah - pendidikan, ini - pendidikan, jadi kita balik semula ke bangku sekolah belaka, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli-ahli Dewan ini, kerajaan sedang dalam proses untuk menggubal suatu undang-undang baru berkaitan dengan penswastan sampah-sarap. Dalam undang-undang baru itu ada termasuk satu bahagian iaitu mengenakan penalti ke atas orang-orang yang sabit kesalahan membuang sampah supaya mereka melakukan kerja-kerja kemasyarakatan termasuk misalnya membersihkan kawasan tempat-tempat awam.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa majlis-majlis bandaran ataupun Dewan Bandaraya memang mengutip sampah-sampah yang asalnya daripada dapur. Tetapi apa yang ingin saya persoalkan ialah tentang usaha Dewan Bandaraya ataupun majlis-majlis bandaran mengutip barang-barang lusuh ataupun lebih-lebihan daripada kebun.

Saya lihat pihak majlis-majlis tempatan tidak mengambil tindakan untuk mengambil barang-barang lusuh ini, jadi tidaklah ketara kalau kita lihat kadangkalanya seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan kadang-kadang peti ais yang tidak dipakai pun dibuang di sungai-sungai, maknanya tidak ada pihak yang ingin mengambilnya. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengarahkan supaya majlis-majlis tempatan ini sekurang-kurangnya sebulan sekali mengutip barang-barang lusuh ataupun barang-barang yang daripada kebun umpamanya setiap hari Isnin yang pertama dalam tiap-tiap bulan supaya mereka ini boleh mengumpulkan barang-barang lusuh ini di luar rumah mereka dan pihak majlis tempatan mengutipnya.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semua pihak berkuasa tempatan mempunyai tugas untuk mengutip semua jenis sisa domestik, termasuk juga sisa-sisa kebun dengan syarat bahawa sisa-sisa itu dibungkus dengan baik.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang kita tahu usaha-usaha untuk menjaga kebersihan ini telah pun dijalankan oleh kerajaan dan papan-papan tanda 'Denda RM500'. Selalu kita dapat lihat sama ada di bandar dan juga di sekitar out skirts bandar. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian adakah peraturan atau denda ini sebenar-benarnya ada peraturan undang-undang yang membenarkan supaya didenda. Oleh kerana selama ini kita jarang

mendengar ada mereka yang membuang sampah ditangkap dan didenda dan saya juga ingin bertanya kepada kementerian sehingga kini berapa ramaikah mereka yang telah didenda dan berapakah kutipan-kutipan denda ini telah dikenakan oleh pihak kerajaan.

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, mengenai undang-undang itu memang ada Undang-undang Kecil Kerajaan Tempatan yang mengikut pihak berkuasa masing-masing ada yang mengenakan denda sebanyak RM500 maksimum dan ada yang RM1,000 maksimum - memang ada undang-undang itu. Tetapi mengenai berapa jumlah denda yang dikutip itu, kementerian tidak ada angka, kerana ini dilakukan oleh pihak berkuasa masing-masing.

KAKITANGAN KERAJAAN/SWASTA BERUSIA 55 TAHUN - JUMLAH

7. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah kakitangan kerajaan dan juga swasta yang mencapai usia 55 tahun di penghujung tahun 1997 dan adakah kerajaan bercadang untuk memberi mereka pekerjaan dalam bidang-bidang tertentu sebagai salah satu usaha untuk menangani kekurangan tenaga pekerja di negara kita.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, adalah dijangkakan sehingga penghujung tahun 1997 seramai 10,930 orang kakitangan kerajaan yang mencapai usia 55 tahun. Kerajaan tidak menyimpan statistik berhubung dengan kakitangan swasta.

Bagi kakitangan kerajaan yang bersara wajib apabila mencapai umur 50 tahun hanya sebilangan kecil daripadanya yang mempunyai kepakaran tertentu diambil bekerja semula secara kontrak selepas mereka bersara.

Adalah menjadi dasar kerajaan bahawa untuk mengurangkan keperluan mengambil pekerja-pekerja asing bagi memenuhi keperluan tenaga manusia negara, syarikat-syarikat swasta digalakkan mengambil kakitangan-kakitangan perkhidmatan awam yang telah bersara untuk bekerja dengan syarikat-syarikat swasta. Untuk tujuan ini, kerajaan

melalui Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam menggalakkan pesara-pesara kerajaan yang ingin bekerja semula di syarikat swasta mendaftarkan diri mereka untuk bekerja. Maklumat ini telah pun diedarkan kepada semua bakal-bakal pesara mulai penghujung tahun 1996. Pada waktu yang sama oleh kerana kerajaan mempunyai dasar membenarkan pegawai-pegawai kerajaan untuk bersara awal pada usia 40 tahun, terdapat pegawai-pegawai kerajaan telah meninggalkan perkhidmatan awam untuk menyertai sektor swasta ataupun bekerja sendiri.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini saya meneliti sedikit berkenaan dengan pengarah-pengarah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Soalan tambahan saya ialah, adakah pihak kerajaan hendak menghadkan terutama sekali kepada kakitangan kerajaan dan juga bekas-bekas tentera yang bersara untuk menduduki syarikat-syarikat di mana kerajaan mempunyai kepentingan sebagai pengarah sehinggakan mereka ini berumur sudah lewat sampai 60 tahun lebih. Maknanya dia sudah bekerja dan dia sudah bertugas sebagai ahli lembaga pengarah dan pengerusi lebih daripada 5, 6 sampai 10 tahun, jadi menyekat orang yang sudah pencen yang lain untuk masuk menyertai, hendak menjadi pengerusi, mungkin juga ada bekas-bekas Senator yang hendak menjadi pengerusi pun tersekat, kerana ramai sangat yang menduduki begitu lama.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Walaupun Tuan Yang di-Pertua kita berusia 70 tahun lebih, tetapi kerajaan masih lagi mempunyai untuknya menjadi Tuan Yang di-Pertua. Maknanya kita tidak mempunyai dasar untuk menghadkan mana-mana ahli lembaga pengarah yang telah menduduki jawatan itu lebih daripada 4-5 tahun, walau berusia 70 tahun pun kita teruskan, sepertimana kita percaya Tuan Yang di-Pertua walaupun sudah berusia 72 tahun.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan telah mengkaji dari segi umur ini, keberkesanannya dari segi orang muda dan orang tua - orang tua maknanya umur 55 ke ataslah. Saya dapati walaupun muda dari segi fizikalnya kuat, mentalnya kuat, tetapi lebih kuat lagi orang tua yang berumur 55 tahun ke atas, dari segi mentalnya, dari segi fizikalnya. Jadi, rugi sangat orang-orang yang sudah berumur 55 tahun ke atas ini dipencenkan [*Ketawa*] patutnya kerajaan, macam Tuan Yang di-Pertua tadi, ini semualah tahu sudah berumur 70 tahun lebih, tetapi dari segi ketahanan, dari segi mental, pemikirannya cukup tinggi. Jadi, termasuklah Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri Dato' Seri S. Samy Vellu semuanya ini - semuanya 'tahan lasak', pemikirannya masih panjang, malam tidur pada pukul 2.00 pagi. Begitu juga Hakim 65 tahun, maknanya dia boleh berfikir sampai 65 tahun. Mengapakah kakitangan kerajaan tidak boleh berfikir lebih daripada 55 tahun. Oleh itu, saya mengharap pihak kerajaan mengkaji dan juga meninggikan sedikit sampai 58 saya rasa sedang eloklah, kalau tidak rugi sangat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kita menghadkan umur kepada 55 tahun untuk mereka bersara ialah kerana untuk mengelak daripada berlaku 'bottle neck' ke atas. Jadi, akibatnya nanti ialah orang tidak akan berminat untuk bekerja dengan kerajaan kerana peluang untuk naik pangkat agak tidak begitu cerah - saya tidak mahu sebut 'tua' yang lama masih lagi di atas dan masih lagi boleh menjalankan tugas.

Keduanya kerajaan tidak bersikap untuk menjadi kedekut. Kalau kerajaan boleh mendapat manfaat daripada mereka yang berusia 55 tahun memberi khidmat yang baik, jadi kita rasanya iaitu bahawa oleh kerana dalam kerajaan juga gajinya kecil, mungkin

yang 55 tahun ini juga patut kita berkongsi dengan pihak swasta dari segi kebolehan mereka supaya jangan kerajaan sahaja yang mendapat nikmat daripada kebolehan dan kehebatan 55 tahun ke atas ini. Oleh sebab itu untuk memberikan mereka peluang, juga untuk mendapatkan imbuhan yang lebih daripada apa yang dibayar oleh kerajaan, maka kita merasakan 55 tahun itu merupakan umur yang paling elok untuk kita menyarakan seseorang itu daripada jawatan kerajaan.

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN KEDUA - PENGLIBATAN PELABUR DAN PENGUSAHA TEMPATAN

8. Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauhmana pelan induk perindustrian kedua peralihan strategi melibatkan pelabur dan pengusaha tempatan serta dapat memberi sumbangan ke arah kemantapan ekonomi negara untuk jangka masa pendek dan panjang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

[Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Perindustrian Kedua 1996-2005 memberi penekanan khusus terhadap peningkatan pelaburan tempatan, bersesuaian dengan matlamat mengubahkan nisbah pelaburan tempatan berbanding dengan pelaburan asing dari 40:60 ke 60:40.

Strategi-strategi khusus IMP2 yang melibatkan peningkatan penyertaan pelabur dan pengusaha tempatan termasuk:

- (i) membimbing syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi untuk menjadi syarikat yang berskala dan bertaraf antarabangsa supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa;
- (ii) mengadakan program dan insentif khusus untuk pembangunan jenama Malaysia; dan

- (iii) menggalakkan pembangunan industri sokongan supaya dapat membekalkan bahagian komponen dan barang perantaraan kepada syarikat utama dan menggalakan penyertaan IKS ke dalam aliran utama sektor perindustrian melalui program rangkaian perindustrian (industrial linkage program), dengan izin

Tuan Yang di-Pertua, peralihan strategi IMP2 yang berasaskan pendekatan kelompok dapat menyumbang ke arah memantapkan ekonomi negara dalam jangka masa pendek dan panjang. Melalui penwujudan sektor perindustrian yang lebih luas, berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Pendekatan kelompok ini akan memperkukuhkan rangkaian ekonomi antara sektor dan dalam sektor melalui pembangunan dan pengembangan berterusan industri perantaraan dan industri sokongan.

Keduanya, meningkatkan produktiviti dan daya saing melalui orientasi perkilangan plus-plus, dengan izin, yang memberi penekanan bermula daripada operasi perkilangan asas hingga merangkumi penyelidikan dan pembangunan produk, aktiviti pembungkusan, pengedaran dan juga pemasaran.

Ketiga, menumpu kepada penyediaan asas ekonomi yang kukuh dan efisien untuk menyokong pertumbuhan sektor perkilangan dan akhir sekali membangun dan mengukuhkan IKS sebagai pembekal komponen dan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat multinasional, dengan demikian peralihan strategi IMP2 merupakan rangka tindakan pembangunan perindustrian bagi dekad yang akan datang ke arah mencapai status negara perindustrian sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya sejauh manakah perancangan Pelan Induk Perindustrian Kedua yang dilaksanakan oleh kerajaan itu boleh mengurangkan pergantungan perdagangan kita melalui Singapura?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Seperti yang saya sebutkan tadi, satu-satu caranya untuk memastikan kejayaan Pelan Induk Perindustrian ialah untuk

memperkukuhkan infrastruktur-infrastruktur kita dan sekiranya infrastruktur seperti pelabuhan dan juga infrastruktur jalan untuk memudahkan kita mengeksport barangan-barangan tempatan secara langsung daripada negara kita, saya yakin bahawa ianya dapat mengurangkan pergantungan kita kepada import daripada Singapura.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Pelan Induk Perindustrian Pertama telah pun berjaya membawa setengah-setengah negeri di dalam negara kita ini untuk mencapai kemajuan di dalam perindustrian di mana kita melihat negeri seperti Selangor, Johor dan negeri-negeri mendapat penekanan kepada perindustrian telah pun menikmati nikmat daripada usaha-usaha perindustrian dan pada waktu itu disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa dasar 40:60 di mana luar 60, dasar pelabur tempatan telah pun diubah kepada 60:40. Saya rasa bagi negeri-negeri yang telah pun menikmati Pelan Induk Perindustrian Pertama tentu mereka akan mudah untuk menjalankan atau melaksanakan Pelan Induk Perindustrian Kedua ini tetapi apa halnya bagi negeri-negeri yang ketinggalan dalam perindustrian, misalnya negeri Perlis. Untuk masuk dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua kemungkinan mereka yang telah pun maju dalam perniagaan dan melibatkan dalam perindustrian daripada tenaga tempatan ataupun pengusaha-pengusaha tempatan tidak kedapatan. Jadi, apakah kerajaan ada rancangan khusus bagi negeri-negeri yang ketinggalan seperti ini? Terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Perindustrian Kedua ini hanya mengenal pasti dasar dan strategi yang lebih berintegrasi dan menyeluruh bagi membangun dan memperkukuhkan sektor perindustrian negara yang lebih berdaya saing. Walau bagaimanapun, pelan induk ini tidak memperakukan sebarang taburan industri mengikut negeri dan setiap kerajaan negeri perlu menjalankan

kajian lanjutan secara terperinci dalam bidang-bidang industri yang dikenalpasti dalam kajian IMP 2 ini. Saya sebelum ini telah pun mengingatkan bahawa sokongan, dokongan dan dorongan daripada kerajaan-kerajaan negeri untuk menyelaraskan pelan induk ini di peringkat negeri harus juga dilakukan.

Walau bagaimanapun, MITI telah pun menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa bersama industri dengan kerajaan-kerajaan negeri termasuklah negeri Perlis di mana kerajaan-kerajaan negeri boleh mengemukakan sebarang cadangan dan mungkin kelemahan-kelemahan yang wujud di negeri Perlis supaya dapat kita memikirkan bersama bagaimana dapat kita mengimplementasikan pelan induk ini.

JENIS SUKAN/PERMAINAN YANG SESUAI - KAJIAN KERAJAAN

9. **Tuan Tan Son Lee [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada kajian telah dibuat untuk menentukan jenis-jenis sukan atau permainan yang boleh dianggap sesuai untuk rakyat Malaysia dalam mana mereka berpeluang mencapai kedudukan antarabangsa dengan mengambil kira ciri-ciri fizikal dan kecenderungan semula jadi rakyat Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Sukan Negara, antara lain telah menentukan supaya sukan-sukan yang sesuai dengan fizikal rakyat Malaysia dibangunkan untuk memberikan peluang yang lebih kepada atlet-atlet negara mencapai kejayaan di pertandingan antarabangsa. Kajian yang saintifik belum diadakan dalam menentukan jenis-jenis sukan yang sesuai tetapi berdasarkan kepada pencapaian di masa yang lalu serta kemajuan yang dicapai oleh atlet-atlet muda, maka sebilangan sukan telah dikenalpasti untuk diberi tumpuan.

Program pembangunan sukan pilihan telah dilancarkan pada tahun 1996 yang melibatkan penumpuan khas kepada empat belas jenis sukan. Program jangka panjang sepuluh tahun ini bertujuan untuk melaksanakan program penyediaan atlet yang lebih

tersusun dari peringkat asas hingga ke peringkat yang tinggi iaitu dalam sukan hoki, badminton, lumba basikal, squash, menembak, kapal layar, gymnastik, olahraga, renang, angkat berat, bowling, memanah, golf dan takraw.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada pandangan kerajaan mengapakah begitu kurang atlet-atlet di peringkat profesional ini yang boleh dilahirkan dari golongan mereka yang di kawasan luar bandar? Adakah ini disebabkan kekurangan peralatan dan kemudahan-kemudahan sukan yang ada di luar bandar ataupun disebabkan oleh infrastruktur kerana latar belakang mereka ini daripada golongan miskin, dari makanan dan sebagainya. Apakah perancangan kerajaan untuk menggalakkan sukan di kawasan luar bandar?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai banyak program untuk menggalakkan atlet. Saya percaya bahawa masalah yang dikatakan seperti kurangnya peralatan, infrastruktur dan lain-lain bukanlah masalah yang menyebabkan kelesuan minat di antara atlet-atlet kita. Saya rasa ini adalah satu masalah sikap rakyat Malaysia oleh kerana mungkin mereka rasa bahawa bidang kesukanan ini tidak dapat mendatangkan pendapatan yang lebih lumayan dan perkara-perkara yang sebegitu rupa. Saya ingin menyangkalkan sikap ini dan ingin menegaskan bahawa bidang sukan adalah di antara bidang yang terbaik untuk masa hadapan dan saya harap bahawa lebih ramai rakyat Malaysia akan menjadi atlet-atlet di negara kita terutamanya daripada kaum lelaki.

Di antara program yang telah dirancang ialah Program Jaya 1998 dan Program Tunas Cemerlang di mana atlet-atlet muda yang kita latih daripada peringkat sekolah diberi latihan yang terperinci di bawah Program Tunas Cemerlang. Ini adalah di antara

program pembangunan sukan yang telah diadakan oleh pihak kementerian dengan kerjasama Majlis Sukan Negara.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, bila saya dengar jawapan daripada Setiausaha Parlimen, suaranya sedap, isi kandungannya boleh tahan, sedap juga dengar tetapi realitinya tidak berapa hendak tepat sebab saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat, apakah Ahli Yang Berhormat sedar perkembangan pembangunan economic growth, dengan izin, dengan social development tidak seiring. Social development ini termasuklah dalam bidang kegiatan sukan. Yang Berhormat jawab tadi macam-macam jenis sukan, macam-macam program tetapi tidak ada satu pun saya tengok yang kita boleh banggakan.

Kalau ada badminton pun, kalau kita jadi tuan rumah sekali-sekala menang. Sukan tradisi kita pun - sepak takraw - bila kita perkenalkan sukan ini jadi sukan antarabangsa, akhirnya orang lain juga jadi tuan. Tidak ada satu yang kita boleh banggakan, jadi saya hendak tanya Kementerian Belia dan Sukan, program yang seriuslah walaupun sudah dijawab tadi, macam mana boleh jadi macam ini, bukan soal sikap saya rasa, ada yang tidak kena ini ataupun baik kita perkenalkan sukan main gulikah ataupun menyumpitkah, yang senangnya yang boleh kita jadi johan. Saya cakap ini serius, kalau Yang Berhormat tidak boleh jawab kita boleh jumpa di luar, kita sembang di luar. Sekian, terima kasih.

[Ketawa]

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya pun jawab dengan cara serius. Sebenarnya keadaan sukan dalam negeri ini bukanlah sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Baru beberapa hari sudah ada dua daripada ahli pendaki kita sudah mampu mendaki Gunung Everest. *[Tepuk]* Setidak-tidaknya adalah juga ya, dan sebusuk-busuknya pun kita dapat silver semalam untuk Badminton World

Cup dan saya rasa insya-Allah untuk Sukan Komanwel ini, setidak-tidaknya satu, dua atau tiga, empat gold akan kita dapat tetapi saya kira kalau tidak ada pembabitan daripada semua yang terlibat termasuklah pemimpin-pemimpin di daerah dan di kawasan-kawasan Parlimen, maka tahap pencapaian sukan tidak akan begitu baik, jadi di sini saya ingin mengajak Yang Berhormat Senator, bukan hanya jumpa di luar tetapi marilah kita turun ke padang dan menyemarakkan lagi semangat kesukanan di negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 10.

**KEMUDAHAN AWAM DIMUSNAHKAN - PERBINCANGAN
DENGAN AGENSI/JABATAN KERAJAAN LAIN**

10. **Tuan Haji Sairin bin Karno [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kementerian beliau selalu mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan agensi-agensi tempatan atau jabatan-jabatan kerajaan lain supaya kemudahan-kemudahan di bandar tidak dimusnahkan sebaik sahaja ia baru dinaiktarafkan. Sebagai contoh, jalan baru dibubuh lapisan di korek untuk memasang paip air, kabel elektrik atau telefon dan sebagainya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan beberapa pertemuan dengan agensi-agensi, antaranya seperti Jabatan Kerja Raya, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Tenaga Nasional Berhad untuk berbincang mengenai penyelarasan kerja-kerja pemasangan kemudahan awam yang melibatkan tindakan pengorekan jalan. Satu garis panduan yang bertajuk Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Kemudahan-Kemudahan Awam Dalam Rizab Jalan telah juga diedarkan kepada semua pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi teknikal yang terlibat dengan kerja pengorekan jalan untuk digunapakai.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama sekali saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana

kali pertama menjawab sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

[Tepuk] Soalan saya...

Seorang Ahli: Dia orang Perlis.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tidak timbul masalah Perlis, kira Malaysia secara keseluruhan. *[Ketawa]* Soalan saya, kita dapati terlalu ramai sangat penduduk di dalam kawasan bandar sama ada bandar kecil ataupun bandar besar yang apabila berlaku kerja-kerja pembaikan, baik Telekom ataupun Tenaga Nasional banyak menimbulkan masalah terutama sekali kepada lalu-lintas, penduduk-penduduk di kawasan perumahan. Apakah punca yang sebenarnya, adakah kerajaan sudah mengenalpasti sebab-sebabnya. Adakah kerajaan mampu untuk merancang dan mencari jalan supaya perkara-perkara yang menimbulkan masalah ini dapat dikurangkan dan diberi kemudahan ataupun rakyat boleh terima rasionalnya perkara itu tidak harus berlaku?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas sanjungan daripada Yang Berhormat tadi. Bukan sahaja ini kali pertama tetapi tengahari ini saya juga didampingi oleh Pemangku Perdana Menteri, it's an honour for me.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Insya-Allah tidak lama jadi menteri. *[Ketawa]*

Dato' Azmi bin Khalid: Bagi menjawab soalan Yang Berhormat tadi, sememangnya kerajaan sedar bahawa cara pengendalian kerja-kerja pengorekan jalan apabila sesuatu kemudahan itu perlu ditanam di tepi-tepi jalan telah menyebabkan masalah kepada masyarakat dari segi lalu-lintas dan sebagainya. Oleh kerana itu, garis panduan yang baru diedarkan dalam tahun 1997 ini dianggarkan akan dapat mengurangkan sedikit dan mungkin di tempat-tempat selain dari Kuala Lumpur banyak mengurangkan masalah tetapi bagi tempoh masa di mana projek-projek fast track yang sedang dijalankan di Kuala Lumpur ini adalah satu perkara yang dicuba sedaya upaya untuk mengurangkan masalah tetapi oleh kerana kita memerlukan, kita diberi tempoh

yang singkat untuk mengendalikan dan menyelesaikan projek-projek bagi kita menerima Sukan Komanwel, maka masalah yang didapati sekarang di Kuala Lumpur setakat mana yang boleh kerajaan cuba mengurangkan tetapi di tempat-tempat lain diharapkan dengan adanya garis panduan ini akan dapat mengurangkan dan akan dapat mempertingkatkan kordinasi di semua peringkat di dalam kerajaan-kerajaan tempatan.

JURUTERA ASING BEKERJA SECARA HARAM -BILANGAN

11. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilangan jurutera asing yang bekerja secara haram di setengah-setengah projek dan setakat ini apakah tindakan yang sedang diambil oleh Lembaga Jurutera.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, setiap jurutera asing yang hendak mengamal di negara ini dimestikan mendapat permit kerja dan mendapatkan pendaftaran sementara daripada Lembaga Jurutera Malaysia. Setakat ini bilangan jurutera asing yang telah mendaftar dengan Lembaga ialah 673 orang. Daripada jumlah ini hanya 238 orang sahaja yang masih aktif. Lembaga Jurutera Malaysia tidak menyimpan rekod mengenai jurutera asing yang bekerja secara haram di projek-projek di Malaysia.

Walau bagaimanapun, Lembaga ada menerima aduan mengenai kewujudan jurutera asing yang menjalankan amalan kejuruteraan tanpa berdaftar dengan Lembaga. Setakat ini lima kes aduan telah diterima dan Lembaga sedang menjalankan siasatan. Sementara itu kes ini telah juga dilaporkan ke Jabatan Imigresen untuk memastikan sama ada permit kerja yang dipegang ialah untuk tujuan menjalankan amalan kejuruteraan.

Sekiranya siasatan yang sedang dijalankan mendapati berlaku pelanggaran terhadap Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan) 1989, hukuman yang boleh dijatuhkan ialah denda tidak lebih RM2000 sekiranya pelanggaran ini juga melibatkan pelanggaran ke atas undang-undang lain, maka hukuman boleh dijatuhkan mengikut peruntukan undang-undang lain yang diberikan.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian mengatakan tadi bahawa memang ada aduan mengenai jurutera haram. Adakah kementerian mempunyai apa-apa cara kawal selia ataupun penguatkuasaan tanpa hanya menunggu aduan untuk memastikan bahawa jurutera-jurutera haram tidak dapat melaksanakan atau mengamalkan kerja-kerja kerana kita tahu implikasi jurutera kalau tidak mempunyai sebenarnya sijil dan sebagainya boleh memberi implikasi kepada pembangunan yang dilaksanakan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa saya kata tadi kita terima lima aduan. Apabila sahaja dapat aduan bukannya kita ambil tindakan serta-merta, kita mesti menyiasat. Kita ada juga badan untuk menyiasat iaitu Lembaga Jurutera Malaysia untuk menjalankan siasatan ke atas mereka. Banyak di antara jurutera datang ke negara ini bukannya untuk menjalankan kegiatan sebagai jurutera, dia masuk dalam syarikat-syarikat pengurusan projek, pada akhirnya mereka selesai kontrak-kontrak mereka, mereka tinggal sahaja untuk menjalankan kerja-kerja sebagai profesional, selepas itu juga kita kena ambil tindakan. Walaupun ada juga pelanggan-pelanggan tidak suka melantik orang tempatan, tetapi mereka suka juga memberi peluang kepada jurutera-jurutera daripada luar. Apabila kita dapat laporan dan kita siasat, selepas siasatan itu kita mesti mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kan Kok Kwan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta soalan tambahan sebab baru satu soalan sahaja.....

Tuan Yang di-Pertua: Fasal saya hendak perhabis banyak sedikit soalan hari ini.

Datuk Haji Ibrahim Ali: Fasal menteri jawab tidak banyak, kadang-kadang jarang-jarang menteri jawab, macam Menteri Kerja Raya dia rajin, dia jawab sendiri, saya hendak ambil peluang, hendak kena tanya soalan ini, kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya hendak ucapkan terima kasih kepada Menteri Kerja Raya sebab saya dapati di antara menteri yang selalu rajin jawab soalan [*Tepuk*] sama ada di Dewan Rakyat dahulu saya perhati, di Dewan Negara pun yang patut boleh jadi contoh kepada menteri-menteri lain, ini ikhlas saya cakap. Kita ada banyak senang hati. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, daripada angka lebih 600 jurutera asing tadi, apakah Yang Berhormat ada angka daripada negeri manakah jurutera asing ini yang paling ramai? Dan adakah pihak kerajaan mempunyai angka berapakah sebenarnya kita kekurangan jurutera ini terutamanya sehingga selesai projek-projek raksasa apabila selesainya Sukan Komanwel nanti tahun 2000 sekurang-kurangnya? Dan adakah Kementerian Kerja Raya mempunyai penyelarasan dengan Kementerian Pendidikan dalam melahirkan jurutera tempatan ini institusi pengajian tinggi supaya sampai satu peringkat nanti bila tahun yang akan sampai di mana we don't need anymore, dengan izin, jurutera-jurutera asing ini, semuanya anak tempatan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Negara-negara di mana kita dapat jurutera-jurutera itu ialah negara Britain, negara Amerika Syarikat dan negara France. Ketiga-tiga negara ini ada juga beberapa jurutera sedang bekerja di negara kita oleh kerana mereka telah dilantik oleh syarikat-syarikat bukannya atas nama jurutera tetapi project manager. Selain daripada itu, kekurangan yang kita hadapi sekarang ialah lebih daripada 10,000 atau

15,000 kekurangan. Saya percaya dengan beberapa institusi baru yang sedang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia, saya percaya dalam tempoh 10 tahun akan datang kita boleh juga menyelesaikan masalah kekurangan jurutera-jurutera di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kan Kok Kwan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.12.

RUMAH MAYAT DI HOSPITAL BESAR - UBAHSUAI

12. Tuan Haji Sairin bin Karno [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kementerian berhasrat untuk mengubahsuai rumah mayat di hospital-hospital besar atau membina semula selaras dengan zaman yang bertambah moden yang mana ia akan memberikan keselesaan dan kehormatan kepada si mati.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, kesemua hospital di Kementerian Kesihatan Malaysia ada menyediakan rumah mayat untuk memberikan perkhidmatan bedah siasat ke atas mayat dan menguruskan mayat ke atas pesakit-pesakit yang meninggal di hospital. Kementerian Kesihatan sentiasa meningkatkan perkhidmatan ini dan membuat ubahsuai kepada rumah-rumah mayat di hospital-hospital yang sedia ada dari masa ke semasa. Di bawah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Ketujuh, rumah mayat baru sedang dibina untuk Hospital Kangar dan Hospital Batu Gajah.

Kesemua hospital baru yang sedang dan akan dilaksanakan akan dibina dengan rumah mayat yang menitikberatkan kehormatan dan keselesaan kepada simati bahkan juga kepada keluarga simati. Di antaranya dengan mengadakan kemudahan-kemudahan seperti berikut:-

- bangunan yang mempunyai ciri-ciri keselesaan dan keselamatan peti sejuk mayat yang sesuai dan mencukupi, bangunan berhawa dingin, ruang taman dan tempat menunggu yang selesa untuk ahli keluarga;

- ruang untuk mayat agama Islam dan bukan Islam diasingkan dari segi tempat peti sejuk, tempat membuat bedah siasat, ruang pemandian serta kaban dan juga ruang menunggu untuk ahli keluarga dan sebagainya; dan
- kereta mayat yang sesuai dibekalkan kepada kesemua hospital.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah perbezaan meletakkan mayat-mayat yang berpenyakit AIDS supaya tidak ada jangkitan kepada mayat-mayat yang lain? *[Ketawa]*

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, setiap orang yang meninggal dunia mana ada jangkitan. *[Ketawa]* Tidak ada, Yang Berhormat.

SEKOLAH LUAR BANDAR TIADA BEKALAN ELEKTRIK - PEMBELAJARAN KOMPUTER

13. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan sekolah-sekolah di luar bandar masih belum mempunyai elektrik, apakah cara yang akan diambil oleh pihak kerajaan bagi menentukan persaingan di antara luar bandar dan di bandar dapat disamakan terutama sekali di dalam bidang pembelajaran komputer dan IT.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan amat prihatin mengenai pencapaian akademik murid di sekolah-sekolah luar bandar dan sentiasa berusaha untuk menentukan persaingan di antara luar bandar dan di bandar dapat disamakan terutama dalam bidang pembelajaran komputer. Rancangan teliti telah pun diatur dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TNB, SESCO di Sarawak dan LLS di Sabah, bagi memastikan sekolah-sekolah di luar bandar yang masih belum mendapat bekalan elektrik menerima bekalan seberapa segera yang mungkin.

Sebagai langkah permulaan, sebanyak 54 buah sekolah akan dibekalkan kuasa elektrik secara berterusan dalam tahun 1997 dan 244 dalam tahun 1998. Bagi sekolah-

sekolah yang terpencil dan tidak dapat dibekalkan elektrik secara berterusan kerana terletak terlalu jauh dari talian bekalan utama elektrik, alternatif set generator berkuasa 5 kw yang dapat menampung penggunaan komputer di sekolah-sekolah tersebut akan dibekalkan. Sebanyak 612 sekolah telah dikenal pasti untuk dibekalkan dengan set generator mulai tahun 1997 sehingga tahun 2000. Dengan ini, Kementerian Pendidikan berharap sekolah-sekolah di luar bandar tidak akan ketinggalan untuk turut sama bersaing dalam bidang pembelajaran Teknologi Maklumat.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tahniah kepada Kementerian Pendidikan sebab baru-baru ini di pedalaman-pedalaman juga telah turut dibekalkan dengan komputer, malangnya komputer itu dihantar ke tempat itu tidak sekali gus dengan gen-set, dengan izin, yang sepatutnya ini dilakukan agar pembelajaran komputer di pedalaman-pedalaman ini tidak menunggu sehingga tahun 1998 hingga tahun 2000. Soalannya, kenapa tidak diikutsertakan gen-set sekali gus dengan komputer ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu memerlukan peruntukan-peruntukan yang besar, seperti yang saya terangkan tadi, Kementerian Pendidikan sudah kenal pasti keperluannya dan akan melaksanakan program-program tersebut.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak tahu daripada pihak Kementerian Pendidikan, kita telah merdeka sejak tahun 1957 pelbagai pelan sampai ke Rancangan Malaysia Ketujuh baru sekarang pihak kementerian mengatakan bahawa pihak kementerian akan berusaha untuk membekalkan bekalan elektrik ke sekolah-sekolah. Apakah masalahnya agaknya?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana out reach Kementerian Pendidikan adalah menyeluruh, jadi dasar kita ialah di mana yang ada penduduk sahaja kita harus ada sekolah, termasuklah kawasan-kawasan pedalaman, kawasan-kawasan yang terdalam sekali kita juga tentukan bahawa ada sekolah. Oleh

kerana banyak tempat tersebut adalah di luar dari grid system kuasa elektrik itu, jadi sukar Kementerian Pendidikan untuk membekalkan kuasa elektrik. Namun demikian, kita sudah minta kerjasama pihak-pihak yang tertentu supaya kita boleh atasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 25 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMULIHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGARA (PENGANTIAN DAN PEMBUBARAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, 'Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. *[29hb. Mei, 1997]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

3.42 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Penggantian dan Pembubaran) 1997. Yang Berhormat-Yang Berhormat tersebut ialah Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin, Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain dan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin. Bagi pihak kementerian, kita mengucapkan terima kasih atas sokongan ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat dan saya percaya sokongan semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini atas akta ini.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin telah menyentuh mengenai pembangunan semula tanah-tanah yang dimajukan oleh FELCRA, keperluan pengeluaran makanan dan perancangan FELCRA yang dikorporatkan serta faedah kepada kumpulan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, pemulihan dan penyatuan pengurusan tanah masih kekal sebagai fungsi utama FELCRA setelah dikorporatkan. Syarikat baru yang dinamakan FELCRA Berhad akan mengambil alih keseluruhan fungsi dan peranan FELCRA di

samping peranan membawa misi dan objektif kerajaan ke arah transformasi kedua pembangunan luar bandar dengan lebih bercorak keusahawanan. Dengan pengkorporatan ini, pembangunan tanah melalui pemuliharaan dan penyatuan tidak akan terhad kepada pembangunan pertanian sahaja. Usaha lain yang lagi lebih menguntungkan adalah terbuka mengikut potensi kawasan yang akan dimajukan. Bagi pembangunan semula pula, ia akan dilaksanakan mengikut lokasi dan potensinya. Mengenai usaha pembangunan semula FELCRA Berhad akan terus mengikut garis panduan kerajaan dan akan memastikan bahawa tuan-tuan tanah mendapat faedah yang terbaik jangka pendek dan dalam jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh usaha pengeluaran makanan, FELCRA telah memulakan usaha menanam padi secara komersial. FELCRA juga telah memulakan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran bercorak hi-tech. Usaha ini akan diteruskan dan diperbesarkan mengikut keadaan jika ianya menguntungkan.

Mengenai faedah kepada kumpulan sasar, FELCRA telah mengatur perancangan strategi ke arah usaha merealisasikan transformasi kedua pembangunan luar bandar serta misi dan objektifnya sendiri. Di dalam melaksanakan perancangan itu, FELCRA akan terus memegang falsafahnya iaitu kepentingan peserta nombor satu dan tumbuh bersama ekuiti.

Untuk itu, pendekatan berimbang diperkenalkan dan diamalkan di mana keuntungan ekuiti dan tanggungan sosial akan sentiasa berimbang dan peserta tidak akan tertinggal dari kemajuan yang akan tercapai.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan. Yang Berhormat menyebutkan tadi bahawa FELCRA akan terus melibatkan diri dalam bidang pertanian walaupun kemungkinan apabila diswastakan akan melibatkan diri dalam bidang-bidang yang memberi pulangan yang agak besar. Saya dengar tadi

FELCRA terlibat dalam aktiviti pengeluaran makanan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat 'Menteri'...

Tuan Douglas Uggah Embas: Setiausaha Parlimen.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Insya-Allah, akan jadi menteri. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Dasar Pertanian Negara yang baru saya difahamkan ada menyebutkan bahawa aktiviti-aktiviti pertanian tidak akan diberi subsidi atau insentif. Kemungkinan ini akan dibentangkan. Pada pandangan saya jika sekiranya usaha-usaha pertanian tidak diberikan insentif atau subsidi, industri ini tidak akan memberi pulangan yang baik kepada mereka yang terlibat. Negara-negara maju seperti Jepun dan juga negara-negara lain memberi subsidi atau memberi insentif. Kalau sebut 'subsidi' kadang-kadang orang salah faham. Subsidi padi misalannya dikatakan diberikan kepada petani-petani, pada hal subsidi padi diberikan kepada kita yang makan nasi, kerana subsidi diberi oleh kerajaan dan harga dikawal.

Jadi, saya ingin mendapat pandangan daripada pihak kementerian, saya sebenarnya menyebutkan perkara ini, adakah FELCRA akan terus berada dalam bidang ini, pada hal bidang ini memberi pulangan yang tidak menguntungkan. Sedangkan apabila diswastakan, tentulah pihak swasta ini salah satu daripada matlamatnya ialah untuk mendapat keuntungan. Apakah Yang Berhormat berpandangan melalui pengalaman-pengalaman yang lalu soal insentif ini tidak perlu dalam bidang pertanian dan FELCRA akan terus berada dalam bidang pertanian sekiranya insentif tidak diberikan?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi adalah begitu luas sekali. Dalam pandangan saya kebanyakan soalan itu adalah termasuk dalam bidang kuasa Kementerian Pertanian, dan saya rasa saya tidak boleh menjawab bagi pihak Kementerian Pertanian. Walau bagaimanapun, saya

akan memberi jaminan di sini kepada Yang Berhormat bahawa FELCRA akan terus melibatkan diri dalam mana-mana bidang yang akan menguntungkan. Kalau bidang itu merugikan, saya rasa FELCRA tidak dapat menggadai nasib para peserta. Jadi, kalau dalam bidang makanan sebagaimana yang telah dicubakan oleh FELCRA, kalau itu akan menguntungkan dan juga akan memenuhi hasrat dan kehendak negara, FELCRA sebagai badan walaupun sudah ditukar kepada korporat akan menjalankan apa yang diarahkan oleh kerajaan.

Mengenai kebimbangan Yang Berhormat ke atas pengagihan dan keadilan sosial pula, sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Dewan Rakyat bahawa jika sekiranya sudah sampai masanya untuk diswastakan, maka ianya akan dilaksanakan mengikut peraturan kerajaan yang biasa dengan mengambil kira kepentingan semua pihak termasuk semua golongan peserta dan kakitangan FELCRA sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain telah menyentuh mengenai tanggungjawab FELCRA membangun kawasan luar bandar dan membasmi kemiskinan. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebentar tadi FELCRA Berhad akan terus mengusahakan pemulihan tanah, dan pembasmian kemiskinan, khasnya dalam usaha kerajaan mengurangkan jumlah rakyat termiskin di seluruh negara. Aktiviti ini adalah terkandung di dalam program obligasi sosial. Kementerian akan sentiasa menyokong FELCRA Bhd. di dalam melaksanakan sosial ini.

Berhubung soal kos pembangunan tanah, FELCRA sejak dahulu telah mengamalkan konsep pinjaman pelaburan kepada kumpulan sasarannya, dan pinjaman ini akan dibayar balik melalui keuntungan projek, dan sebaliknya dikembalikan dalam bentuk dividen. Ada pun selepas pengkorporatan nanti, konsep ini akan diteruskan. Namun demikian, setelah dikorporatkan FELCRA sebagai sebuah syarikat akan

menjangkakan pengurusan yang lebih efisien dan boleh membawa kepada produktiviti yang lebih tinggi dan seterusnya pulangan yang lebih baik. Dengan itu, soal beban tidak timbul, malah kita berharap faedah yang diterima akan lebih lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin di atas sokongan....

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah beberapa kali bercakap tentang perkara ini, walaupun tempoh hari pada hari Khamis saya tidak menyentuh dengan lebih mendalam. Sewaktu saya di Dewan sebelah sana, 'dewan rendah', Dewan Rakyat, [*Ketawa*] sewaktu saya di Dewan sebelah sana saya pun pernah menyentuh perkara ini, iaitu yang saya sebut ini bukan dari segi absolutes, tetapi dari segi relatifnya. Maksudnya, kos di kawasan yang hampir dengan Pusat ataupun hampir dengan infrastruktur yang baik, lebih tinggi daripada kos di pinggir, the marginal level ataupun di periphery. Kerana itu, apabila badan swasta nanti, ia akan sudah tentu memilih kos yang lebih rendah dan pulangan yang lebih tinggi.

Memang amalan memberi balik dividen setelah ditolak kos dan sebagainya, amalan dahulu akan diteruskan. Tetapi setelah ini, pilihan untuk memajukan itu sudah tentu dibuat pilihan kepada tanah yang lebih rendah kosnya. Umpamanya, kalau 30% lebih kos di kawasan sebenarnya sasaran FELCRA dahulu, adakah sekarang ini pihak FELCRA sanggup memilih kos yang 30% lebih tinggi umpamanya. Kerana itu, saya menyebutkan kemungkinan besar FELCRA tidak akan memilih kos yang 30% lebih rendah. Jadi, kerana itu kerajaan bertanggungjawab - saya setuju dengan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika bahawa tidak ada negeri yang tidak memberi subsidi

kepada sektor pertanian. Jadi kerana itu, kerajaan bertanggungjawab memberi 30% subsidi kepada tempat yang kos 30% lebih tinggi, barulah mereka akan mendapat keadaan yang sama.

Jadi, kerajaan harus menanggung beban ini. Kalau tidak, di luar bandar mereka akan terus bergantung dengan hutang sampai tanam semula pula, kalau tanam getah atau tanam sayur, sampai tanam semula pula beban hutang belum selesai sudah kena dimajukan semula oleh FELCRA, dan sehingga bila pun mereka akan bergantung dan mereka mendapat pulangan yang lebih rendah daripada pihak yang hampir dengan bandar, itu sahaja. Yang saya maksudkan ialah reletif di antara kos tinggi dan kos rendah bila FELCRA memajukan ini esok atas dasar swasta. Sekian, terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kalau anggapan saya tidak silap, Yang Berhormat khuatir bahawa FELCRA mungkin memilih untuk membangunkan kawasan yang lebih menguntungkan dahulu, dan lepas itu baru membangunkan kawasan yang mungkin ongkosnya lebih tinggi, yang pertama.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Mungkin tidak.

Tuan Douglas Uggah Embas: Mungkin tidak terus. Satu ketika saya pun khuatir kerana saya juga adalah seorang wakil rakyat di luar bandar di kawasan banyak tanah-tanah terbiar, persoalan ini juga saya majukan kepada FELCRA. Jawapannya adalah FELCRA dalam ia menjalankan usaha membangunkan tanah ini, dalam ia memikirkan keuntungan, dalam masa yang sama juga ia dikehendakan oleh kerajaan untuk memainkan peranan sosial, iaitu menolong membasmi kemiskinan dan mengatasi masalah kemiskinan di seluruh negara. Oleh yang demikian, maka perbezaan kos ini tidak jadi satu batasan dalam usaha FELCRA untuk membangunkan mana-mana kawasan. Memang kos dari tempat ke setempat tidak sama, tetapi saya ingin memberi jaminan di

sini bahawa FELCRA akan meneruskan aktiviti sosial seperti yang saya katakan tadi, khususnya dalam usaha kita mengatasi masalah kemiskinan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian bersama dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dalam FELCRA Bhd. dan FELCRA Bhd. akan terus memainkan peranan sebagaimana yang sedang dilaksanakan khususnya pemulihan dan penyatuan tanah. Dengan pengkorporatan ini, adalah diunjurkan bahawa usaha ini akan lebih mantap lagi di masa akan datang. Di samping itu, FELCRA Bhd. juga akan meneruskan usaha membangunkan masyarakat secara berinstitusi melalui penubuhan Jawatankuasa Kemajuan Pojek Koperasi dan pertubuhan-pertubuhan lain yang berkaitan. Institusi-institusi ini akan terus dididik dan diberi peluang untuk berkembang maju seiring dengan kemajuan FELCRA Bhd. Gerakan ini juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan mewujudkan masyarakat menabung.

Yang Berhormat juga ada menyentuh berkenaan dengan pembangunan industri kecil khususnya di kawasan-kawasan kampung tradisional. Suka saya memaklumkan bahawa FELCRA adalah agensi utama kementerian yang membangunkan kampung-kampung tradisional melalui Program Penyusunan Semula Kampung. Beberapa buah pusat antaranya seperti di Salung dan Rumpun Makmur di Pahang telah disediakan dengan lot-lot untuk industri-industri kecil pembuatan dan perkhidmatan untuk usahawan-usahawan dan pelabur-pelabur yang berminat. Pusat-pusat ini kelak dijangka akan menjadi pusat pertumbuhan dan seterusnya bandar kecil kelak.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya jawab di sini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan ya.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua hendak saya habiskan atau hendak jawab?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah jawab itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ada perkara baru yang saya hendak bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal kita memberi masa tadi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Sebenarnya memang saya bercadang hendak ambil bahagian, sebab minggu lepas Dato' Zuki hendak sambung. Tiba-tiba hari ini Tuan Yang di-Pertua suruh terus panggil pihak kementerian jawab, jadi saya tidak sempat. Isu yang saya hendak timbulkan ini ada kaitan dengan rang undang-undang ini. Sebab ini adalah current issue, dengan izin. RM600 juta lesap yang ada kaitan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, iaitu wang untuk tanam semula di bawah RISDA. Jadi, tentulah ia ada kaitan dengan rang undang-undang yang hendak dimansuhkan dan hendak diganti dengan pihak korporat yang akan menguruskan hal-hal yang berkaitan ini. Jadi, apa pandangan menteri terhadap perkara-perkara yang seperti ini, kehilangan wang sebanyak RM600 juta untuk pembangunan penyusunan semula masyarakat luar bandar? RM600 juta....

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:.....dilaporkan dalam akhbar sama ada betul atau tidak betul belum siasat lagi.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat harus - saya pun terkejut mendengar tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi bahawa RISDA kehilangan RM600 juta. Setakat...

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta buat pembetulan, bukan tuduhan saya. Saya hanya maklum kepada....

Tuan Yang di-Pertua: Dibuat oleh seorang menteri Pusat berkenaan dengan kehilangan itu. Perkara ini masih dalam siasatan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya belum sedar berkenaan perkara ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Bermaknanya Setiausaha Parlimen sendiri tidak pekalah dengan isu itu.

Tuan Douglas Uggah Embas: Apa dia?

Tuan Douglas Uggah Embas: Sepatutnya Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar perlu peka kepada isu berkaitan dengan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Douglas Uggah Embas: Ya, kita peka, tetapi kita tidak sedar RM600 juta hilang. Itu pun saya terkejut apabila Yang Berhormat membuat tuduhan yang begitu....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan buat tuduhan. Saya tanya kementerian sebab perkara ini sudah keluar dalam surat khabar, dikeluarkan oleh seorang menteri. Kalau tidak silap saya, kenyataan oleh Menteri Perusahaan Utama, Dato' Annuar Musa sendiri response tentang kenyataan itu.

Tuan Douglas Uggah Embas: Walau bagaimanapun, hari ini kita bincang mengenai FELCRA. Jadi, itu tidak ada berkaitan.

Walaupun bagaimanapun, tujuan korporat telah dijelaskan, sebab-sebab kita mengkorporatkan Felcra juga telah dijelaskan dan saya akan memberi pendirian di sini, bahawa pegawai-pegawai kerajaan akan menjalankan tugasnya sedaya upaya yang boleh dan mereka juga komited untuk membantu rakyat dan tidak membazirkan wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah berucap, ada juga yang meminta maklumat tambahan tadi, apa-apa perkara yang tidak dijawab di sini, semuanya akan diambil perhatian oleh kementerian termasuk soalan akhir dari Yang Berhormat yang akhir tadi dan kita akan mengambil tindakan atas semua perkara itu. Terima kasih.

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno ingin meminta penjelasan?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, ya sedikit sahaja, sebab perkara ini menyentuh Felcra, saya juga sebenarnya ingin mengambil bahagian dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, cuma waktu barangkali tidak mengizinkan.

Kalau boleh saya mohon baru-baru ini Felcra dengan pengarahnya dengan pegawainya telah didatangkan khas ke bahagian pedalaman untuk melihat satu kawasan di daerah Nabawan yang mempunyai tanah terbiar seluas 42,000 ekar, ianya terbiar sejak merdeka sehingga hari ini maknanya daripada 1963 sehingga hari ini dan Felcra telah membuat kajian, saya ingin bertanya, saya ingin mengetahui sejauh manakah keseriusan Felcra untuk membangunkan tanah seluas 42,000 ekar ini dan apakah jenis-jenis tanaman yang telah dikenal pasti untuk membaikpulih tanah terbiar ini? Terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya telah habis menjawab tadi. Walau bagaimanapun, kita akan mengambil perhatian kepada soalan Ahli Yang Berhormat, perkara itu adalah perkara terperinci dan saya perlu kajian sebelum saya menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan kepada dan bagi peletakhakan harta, hak dan liabiliti Bank Simpanan Nasional pada suatu syarikat Bank Simpanan Nasional Berhad bagi pengawalseliaannya dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang lain yang berhubung dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

BSN adalah sebuah badan berkanun yang telah ditubuhkan pada 1hb. Disember, 1974 melalui Akta BSN 1974. Ia telah mengambil alih fungsi dan tanggungjawab Bank

Simpanan Pejabat Pos atau Post Office Savings Bank yang telah ditubuhkan pada tahun 1949 di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Pos. Perubahan ini dari sebuah jabatan kerajaan kepada badan berkanun adalah disebabkan dua fakta utama:

Pertamanya, dalam masa hampir dua setengah abad itu terdapat perkembangan ekonomi yang stabil yang telah menyebabkan pembangunan yang pesat dalam bank perdagangan, syarikat kewangan dan lain-lain institusi-institusi kewangan yang telah mempunyai kesan negatif kepada urusan perniagaan Post Office Savings Bank.

Kedua, pihak kerajaan mahukan bank simpanan tersebut menggalakkan dan menggembleng simpanan secara agresif dari orang ramai supaya ianya dapat meningkatkan tahap simpanan nasional untuk membantu perkembangan ekonomi yang lebih tinggi. Di samping itu POSB yang juga mempunyai kuasa dan keupayaan yang terhad untuk memainkan peranan dengan berkesan atau untuk bertahan dengan tekanan saingan. Justeru itu, BSN telah ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun yang diberi kuasa dan fleksibiliti yang lebih untuk membolehkannya menghadapi cabaran yang baru itu. Objektif utama ialah:

- (i) untuk menggalakkan dan menggembleng simpanan khususnya dari penyimpan-penyimpan kecil dan untuk menggalakkan tabiat berjimat-cermat dan menyimpan wang;
- (ii) untuk mengadakan saluran bagi orang awam menyimpan wang;
- (iii) menggunakan wang bank untuk tujuan pelaburan termasuk membiayai perkembangan ekonomi negara; dan
- (iv) untuk memajukan kepentingan pendeposit dan pelanggan-pelanggan yang lain.

Selain daripada itu BSN juga tidak terhad kepada penerimaan dan pembayaran deposit sahaja, tetapi termasuk juga penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan kewangan yang lain, pembukaan cawangan-cawangan dan pelaburan wangnya.

Dalam masa lebih 20 tahun sejak penubuhan, BSN telah bergiat dengan baik bukan sahaja dari segi prestasi kewangan tetapi juga dalam menyempurnakan objektif sosial iaitu menggalakkan simpanan di kalangan penyimpan-penyimpan kecil dan mereka yang berpendapatan rendah untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka melalui amalan berjimat-cermat, menyimpan dan pengurusan kewangan yang kukuh.

Pada masa ini BSN mempunyai 10.5 juta pendeposit dengan jumlah deposit sebanyak RM5.9 bilion. Ia menyediakan lebih daripada 20 perkhidmatan kewangan yang terdiri dari beberapa jenis simpanan, pinjaman, GIRO dan lain-lain perkhidmatan yang boleh dikenakan bayaran.

Untuk menyediakan kemudahan kepada jumlah pelanggan yang semakin meningkat, ia telah menambah rangkaian pejabatnya kepada 478 cawangan dan 589 ATM termasuk di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil.

BSN menggunakan tahap teknologi yang tinggi untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap, cepat dan boleh dipercayai kepada pelanggannya. Kesemua cawangan-cawangannya mempunyai kemudahan komputer dan disambung secara talian terus kepada pusat komputer. Jumlah tenaga pekerja adalah sebanyak 5,314 kakitangan. Jumlah aset bank pada akhir tahun 1996 adalah sebanyak RM6.9 bilion dengan dana rizab dan keuntungan terkumpul berjumlah RM714 juta. Walaupun pada masa yang lepas prestasi BSN adalah baik, kini tiba masanya bagi kerajaan untuk meneliti struktur dan operasi BSN supaya ia mempunyai asas yang kukuh bagi menghadapi cabaran pada masa depan akibat persaingan pasaran yang semakin meningkat. Di antara faktor yang akan

menyumbang terhadap persaingan yang lebih hebat dan membawa kaedah pelaksanaan yang baru ialah:

- * Proses diregularisasasi industri kewangan yang sedang berjalan sekarang;
- * Pembukaan bank-bank asing dan institusi di bawah GATTs;
- * Pembangunan pasaran modal sebagai sumber pembiayaan alternatif; dan
- * Perkembangan pesat pembangunan teknologi dalam bidang perbankan serta sistem kewangan dan infrastruktur.

Dalam hubungan ini kerajaan telah bersetuju bahawa sudah sampai masanya untuk BSN dikorporatkan dan ini akan memberi BSN organisasi serta rangka undang-undang yang lebih sesuai dan berkesan bagi membolehkannya beroperasi dengan berjaya dalam keadaan pasaran yang kukuh dan agresif. Faedah-faedah yang boleh diperolehi daripada pengkorporatan BSN adalah seperti berikut:

- (i) pemberian autonomi serta fleksibiliti pentadbiran yang lebih kepada sebuah lembaga serta pengurusan korporat yang akan menyebabkan peningkatan tahap kecekapan, produktiviti dan pembuatan keputusan yang efektif;
- (ii) menyediakan satu rangka korporat yang akan membolehkan kemasukan orientasi serta budaya perniagaan dan pemasaran yang lebih hebat, yang akan memberi penekanan kepada perkhidmatan berkualiti tinggi, inovasi produk dan strategi pemasaran serta program jualan yang efektif;
- (iii) menyediakan satu struktur korporat yang akan membawa kepada penerimaan tahap serta amalan komersial terutamanya dalam bidang

pengurusan kewangan dan perakaunan yang akan membolehkan pemerhatian yang berkesan ke atas pengawalan prestasi dan keuntungan;

- (iv) menyediakan satu organisasi korporat dengan program pendapatan dan pembangunan kerjaya yang berkaitan akan menyokong pengambilan serta penjagaan tenaga pekerja yang berkebolehan dan bertanggungjawab, yang mana lebih bereaksi kepada tuntutan pasaran dalam menghadapi cabaran pembangunan dan persaingan; dan
- (v) menyediakan suatu struktur korporat yang akan membolehkan penubuhan anak syarikat, pengambilalihan syarikat, penya-tuan syarikat dan lain-lain langkah korporat yang akan membolehkan BSN membangun dan berkembang dengan mengambil peluang-peluang perniagaan yang mungkin wujud dari masa ke semasa.

Pada 12hb. Oktober, 1994 Jemaah Menteri telah memutuskan supaya BSN dikorporatkan melalui penubuhan sebuah syarikat yang bernama BSN Berhad yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan diperbadankan dan ia akan diawasi oleh satu akta khas iaitu Akta BSN Berhad 1997, yang akan menggantikan Akta BSN 1974. Sebahagian dari ciri-ciri utama akta yang baru adalah seperti berikut:

- (a) objektif sosial untuk menggalakkan simpanan, pelaburan dan pengurusan kewangan yang mampan di kalangan masyarakat umum bagi memperbaiki dan meningkatkan taraf ekonomi mereka masih dikekalkan;
- (b) berlainan daripada institusi kewangan yang lain, yang beroperasi di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan dan dikawal oleh Bank

Negara, BSN akan beroperasi di bawah Akta Parlimennya sendiri iaitu Akta BSN Berhad 1997 yang dikawal oleh Menteri Kewangan. Ini adalah kerana struktur dan *modus operandi* serta polisi pelaburan BSN berbeza dari institusi kewangan di bawah kawalan Bank Negara terutamanya kerana penekanan yang diberi kepada peranan sosialnya. Oleh itu, tidak mungkin bagi BSN untuk menepati secara keseluruhan akan kesemua peruntukan ABIK dalam jangka masa yang pendek. Walau bagaimanapun, yang mana sesuai peruntukan-peruntukan ABIK telah pun dimasukkan di dalam Akta BSN Berhad supaya ianya berada pada rangka kawal selia yang sama dengan institusi kewangan yang lain di negara ini;

- (c) skop aktiviti perniagaan yang boleh dilakukan oleh BSN telah diperluaskan untuk membolehkannya melayani kumpulan pelanggan sasaran terutamanya individu dengan lebih berkesan dari segi amalan dan kehendak masa kini;
- (d) syarat-syarat mengenai pelaburan telah dikemaskini untuk memberikan BSN lebih fleksibiliti dalam pelaburannya supaya ia dapat mencapai keuntungan dan memperkukuh kedudukan kewangannya; dan
- (e) jaminan kerajaan terhadap deposit-deposit dengan BSN dan lain-lain keutamaan telah dikeluarkan.

Pada keseluruhannya akta ini membolehkan pengkorporatan BSN dengan memperuntukkan pemindahanmilik serta perletakhakan segala harta, hak dan liabiliti BSN dalam suatu syarikat yang bernama BSN Berhad.

Peng korporatan BSN akan memberikan keupayaan untuk beroperasi dengan lebih bebas, lancar, cekap dan fleksibel dalam situasi persaingan pasaran yang semakin meningkat.

Motivasi untuk meng korporatkan BSN adalah untuk memperbaiki prestasi perkhidmatan dan kewangannya, ia juga bertujuan untuk memperkukuhkan BSN dalam keadaan pasaran yang dinamik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan dan bagi pemindahan kepada dan bagi peletakhakan harta, hak dan liabiliti Bank Simpanan Nasional dan bagi pengawalseliaannya dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berhubungan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

4.15 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk membahaskan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan kepada dan bagi peletakhakan harta, hak dan liabiliti Bank Simpanan Nasional pada satu syarikat dengan nama Bank Simpanan Nasional Berhad dan bagi pengawalseliaannya dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berhubungan dengannya. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang

telah pun berjaya untuk membentangkan akta ini di mesyuarat Dewan Negara pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat ke belakang, penubuhan Bank Simpanan Nasional ini adalah sebuah bank yang begitu dekat di hati rakyat. Sebagaimana disebutkan tadi, Bank Simpanan Nasional telah bermula dengan nama Simpanan Pejabat Pos pada tahun 1949 dan saya kira tarikh 1949 itu adalah merupakan satu tarikh yang lama dan bank ini telah pun melalui pelbagai cabaran yang mana pada hari ini mereka telah menunjukkan kemampuan dan kebolehan mereka sebagai bank dan masih lagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang begitu dekat dengan rakyat.

Saya mengucapkan tahniah kepada Bank Simpanan Nasional yang selama ini telah memberikan sumbangan-sumbangan yang besar dan bersama-sama di dalam pembangunan negara terutamanya mereka sama ada di bandar dan di luar bandar. Semasa ditubuhkan pada tahun 1949, sebenarnya saya pun tidak ada lagi di dunia ini tetapi seingat-ingat saya simpanan pejabat pos adalah merupakan simpanan yang dikenali di pelosok negara kita. Kalau tidak silap saya pada waktu lampau, simpanan pejabat pos adalah merupakan satu-satunya simpanan yang boleh memberikan perkhidmatan kepada mereka terutamanya mereka di luar bandar. Mereka yang terlibat dengan perniagaan-perniagaan kecil, petani-petani luar bandar menyimpan simpanan mereka di dalam simpanan pejabat pos. Mereka yang menunaikan fardu haji pun di masa yang lepas sebelum lagi wujudnya Lembaga Urusan Tabung Haji, mereka menggunakan simpanan di pejabat pos ini untuk menyampaikan hasrat mereka menyimpan sedikit demi sedikit sehingga mereka dapat menunaikan fardu haji.

Begitu juga seingat saya semasa menjadi pelajar di sekolah rendah lagi, simpanan pejabat pos memainkan peranan kepada pelajar-pelajar untuk pelajar-pelajar belajar

menabung. Kalau tidak silap saya mungkin ada setengah di antara kita di sini masih ingat simpanan di pejabat pos menggalakkan pelajar-pelajar membuat simpanan dengan membeli setem sepuluh sen ataupun lima sen dan setem-setem ini dikumpulkan sehingga pelajar-pelajar tersebut dapat membuat simpanan dan kemungkinan daripada simpanan-simpanan inilah yang telah memberi peluang kepada pelajar-pelajar terutamanya mereka daripada golongan yang miskin ketika itu dapat melanjutkan pelajaran mereka dengan simpanan mereka yang ada di pejabat pos.

Itulah sedikit sebanyak latar belakang Bank Simpanan Nasional yang dapat saya sebutkan di dalam Dewan ini sebagai kita mengingati nostalgia ataupun usaha-usaha yang telah dijalankan oleh bank tersebut sehingga hari ini bank tersebut menjadi salah satu daripada bank yang memang dikenali ramai dan juga bank yang telah memberi perkhidmatan bukan sahaja di dalam urusan kewangan tetapi telah pun memberi perkhidmatan untuk pembangunan sosial di negara kita.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah membentangkan tadi dan menyatakan bahawa peranan Bank Simpanan Nasional tidak akan lari daripada peranan asal. Kalau saya merujuk dalam muka surat 22 - tujuan dan kuasa-kuasa bank, ada tiga perkara di situ disebut tujuan dan kuasa-kuasa bank:

“9.(a) menggalak dan menggembeng simpanan daripada orang awam khususnya penyimpan kecil dan memupuk pengurusan kewangan yang kukuh daripada sumber mereka supaya dapat memperbaiki dan meningkatkan kemajuan ekonomi mereka;

(b) mengadakan cara, kemudahan dan infrastruktur bagi mencapai objektif Bank dan menggalakkan penggunaan berkesannya oleh pelanggan bagi faedah mereka; dan

(c) menjalankan perniagaan am suatu institusi perkhidmatan kewangan yang moden dan progresif yang memenuhi keperluan kewangan menyeluruh bagi pelanggannya.”

Saya rasa saya amat berpuas hati apabila mendengar dan juga melihat kepada tujuan-tujuan yang disebutkan tadi (a), (b) dan (c). Cuma, di sini saya ingin mengingatkan kepada pihak bank sebagaimana yang kita sedia maklum dalam arena perniagaan, apabila kita masuk dalam bidang korporat biasanya kita selalu melihat peluang-peluang untuk mencapai keuntungan. Bila peluang-peluang untuk mencapai keuntungan ini sudah tentulah perkara (c) yang lebih menarik minat dan perhatian kita kerana perkara (a) menggemblengkan simpanan orang awam, memberi peluang kepada penyimpan-penyimpan kecil ini kadang-kadang meremehkan di dalam usaha-usaha pentadbiran. Sudah tentu apabila dikorporatkan nanti, kalau bank benar-benar terus setia dengan janji dan tujuan yang disebutkan ini harus mempunyai komitmen yang benar-benar kukuh dan juga polisi yang benar-benar teguh supaya memastikan perkara (a) ini tidak diabaikan. Ini saya ingin mengingatkan pihak kementerian supaya perkara ini benar-benar kita jelaskan, benar-benar kita tekankan supaya ia tidak menjadi satu ketika nanti apabila selepas akta ini diluluskan kita melihat perkembangan yang begitu pesat sehingga kadang-kadang melupakan peranan-peranan untuk menggemblengkan simpanan orang-orang awam dan juga melayan peniaga-peniaga kecil ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada Bank Simpanan Nasional akan terus dekat di hati rakyat. Itulah sebabnya saya menekankan supaya dalam tujuan tadi saya ingin menyebutkan sekali lagi supaya ketiga-tiga tujuan ini dapat dilaksanakan sebaik-baiknya. Saya kira apabila dikorporatkan pihak bank harus mempunyai, sama ada dua jawatankuasa, dua bahagian, dua sesi yang harus diseimbangkan supaya keperluan dan

kepentingan-kepentingan yang asas, kepentingan-kepentingan awalan bank ini tidak tertinggal begitu sahaja dengan cabaran-cabaran perniagaan yang menguntungkan pada masa yang akan datang.

Kita berharap Bank Simpanan Nasional akan terus memainkan peranannya ke arah menggalakkan pelajar-pelajar menabung. Kita berharap Bank Simpanan Nasional juga akan terus memainkan peranannya untuk menggalakkan semua rakyat Malaysia untuk menabung dalam negara kita. Walaupun kerja-kerja ini sebagaimana saya sebut tadi agak remeh dan memerlukan pengurusan-pengurusan yang cekal, yang sabar dan sebagainya kita berharap bank akan terus memikirkan bagaimanakah usaha-usaha ini akan dapat diteruskan di dalam dunia yang mencabar pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara di dalam rang undang-undang ini - muka surat 24 iaitu bagi maksud perkara 9(2) menjalankan tujuan yang dinyatakan di dalam subseksyen 1, bank boleh disebutkan (a) sehingga (x), (y) dan sebagainya. Perkara 9 (i) dan (j): -

- (i) *“membayar bunga atas deposit oleh pelanggan dan menentukan kadar dan kadar-kadar bagi bunga itu”.*

Perkara (j) -

- (j) *“mengenakan bunga atas pinjaman dan pendahuluan yang dibuat oleh pelanggan dan menentukan kadar-kadar bagi bunga itu”.*

Saya tidak tahu bahasa undang-undang. Adakah kemungkinan bahasa ini telah pun termaktub dalam undang-undang harus disebut sebagai membayar bunga tetapi sebagaimana yang saya sebutkan pada awal tadi, oleh kerana Bank Simpanan Nasional ini begitu dekat dengan hati rakyat dan perkataan ‘bunga’ ini kadang-kadang sensitif di kalangan masyarakat kita. Saya kira ada perkataan-perkataan yang lebih sesuai dalam

urusniaga perniagaan. Sebenarnya urusan ini tidak bertentangan dengan Islam kerana Islam juga menggalakkan perniagaan. Dalam Islam sembilan daripada sepuluh rezeki itu datang daripada perniagaan, cuma perkataan itu bagi saya, mungkin ada perkataan yang lebih sesuai daripada perkataan 'bunga'. Mungkin boleh dikatakan faedah daripada perkongsian perniagaan, misalnya yang membolehkan supaya semua pihak merasa lega apabila menerima ataupun terpaksa membayar bayaran-bayaran perkhidmatan ataupun bayaran-bayaran kos perniagaan tetapi apabila disebut sebagai bunga ini, ia mendekatkan kita dengan soal riba.

Saya rasa Bank Simpanan Nasional juga harus mengikuti arus perkembangan institusi kewangan negara kita di mana sekarang ini kita telah dapat memperkenalkan perbankan secara Islam yang telah pun dapat, bukan sahaja berjaya di negara kita, malah mendapat perhatian daripada semua pihak.

Dan saya juga ingin menyentuh perkara 9(x) (vii) yang akhir -

(vii) "*menjalankan perniagaan insurans*".

Saya tidak tahu bagi pihak kementerian adakah peranan-peranan ataupun usaha-usaha yang dijalankan oleh bank-bank dalam menjalankan insurans ini satu perkara yang dirasakan oleh kementerian memang patut dijalankan oleh pihak-pihak bank kerana saya juga pernah memberikan pandangan pada satu ketika yang lalu, pada pandangan saya bahawa perniagaan insurans ini adalah satu urusan yang terasing dan memerlukan satu kepakaran dan pemahaman serta pelaksanaan yang agak berbeza daripada bank. Apa salahnya kalau pihak bank memberikan perhatian dan penumpuan kepada perkhidmatan dan juga kepada urusan-urusan dalam institusi kewangan yang berkaitan dengan bank sahaja dan soal-soal insurans ini kita serahkan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan insurans.

Saya tidak tahu mungkin kementerian ada rasionalnya meletakkan ataupun menetapkan tertulis di dalam akta ini supaya membenarkan pihak bank untuk menjalankan perniagaan insurans dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa tanggungjawab sosial Bank Simpanan Nasional harus diberi perhatian supaya imej Bank Simpanan Nasional akan sentiasa harum dan akan sentiasa menjadi sebagai salah satu institusi korporat yang dapat memberikan kebajikan dan juga menimbangkan kebajikan penduduk di negara kita. Kita tahu saya kira bukan sahaja agama Islam tetapi di dalam agama apa sekali pun apabila kita berbuat baik, kita akan diberi oleh Allah S.W.T. kebaikan yang berganda-ganda, apabila kita sanggup bersedekah, rezeki kita akan murah. Ini saya rasa bukan sahaja diterima oleh Islam tetapi apa bangsa sekalipun menerima hakikat ini. Oleh itu kita jadikanlah Bank Simpanan Nasional ini bukan sebagai satu pihak institusi kewangan yang melihat keuntungan sahaja tetapi memikirkan apakah sumbangan-sumbangan ataupun tanggungjawab sosial yang boleh mereka laksanakan.

Saya berpendapat soal kita menyeru institusi korporat supaya mereka melaksanakan tanggungjawab sosial mereka sahaja adalah perkara yang ritual ataupun perkara yang boleh diperkatakan tetapi susah dilaksanakan. Oleh yang demikian, saya berharap marilah kita memberikan contoh di dalam Bank Simpanan Nasional ini supaya Bank Simpanan Nasional ini menentukan polisi dan dasarnya supaya keuntungan-keuntungan yang mereka dapati bukan sahaja diagihkan di kalangan pemegang-pemegang share tetapi keuntungan-keuntungan yang mereka dapat sebahagiannya digunakan untuk kerja-kerja kebajikan dan dijadikan satu dasar supaya generasi yang akan datang akan terus mengingati dan akan terus mengetahui dan meneliti sejarah Bank Simpanan Nasional ini yang lahirnya daripada sama-sama susah payah rakyat bersama sebagaimana

saya sebutkan tadi iaitu simpanan pejabat pos yang lahir pada tahun 1949 dan diperbadankan, kalau saya tidak silap Akta Bank Simpanan Nasional 1974 dan hari ini ia telah pun berjaya menunjukkan kejayaannya untuk dikomersialkan tetapi dalam kita melepaskan bank ini untuk menjadi sebuah bank yang sepenuhnya komersial, kita harus meletakkan satu asas awalan yang tertentu supaya ia tidak lari dari asas-asas yang awal supaya tanggungjawab sosial ini bukan sahaja disebut tetapi dinyatakan dengan jelas dan khusus supaya bank ini terus memberi sumbangan kepada masyarakat.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada muka surat 26 - Kehendak Kewangan Dan Tugas Bank. Ada disebut di situ:

“Bank hendaklah -

- (a) menyanggarkan suatu kumpulan wang rizab; dan*
- (b) sebelum mengisytiharkan apa-apa dividen daripada untung bersihnya bagi setiap tahun (selepas peruntukan yang wajar telah dibuat untuk cukai) memindahkan kepada kumpulan wang rizabnya daripada untung bersih bagi setiap tahun -*
 - (i) sejumlah wang yang sama banyak dengan yang tidak kurang daripada empat puluh peratus daripada untung bersih bagi tahun itu asalkan amaun kumpulan wang rizab itu adalah kurang daripada lima puluh peratus daripada modal berbayarnya; atau*
 - (ii) sejumlah wang yang sama banyak dengan tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada untung bersih bagi tahun itu, asalkan amaun kumpulan wang rizab itu adalah lima puluh peratus tetapi kurang daripada seratus peratus daripada modal berbayarnya”.*

Saya ingin memberi pandangan di sini, kalau boleh di mana-manalah dimasukkan supaya diwujudkan tabung kebajikan. Mungkin ini agak janggal, tidak pernah dilakukan ataupun ada pihak menyatakan boleh dilakukan - bank-bank, badan-badan korporat boleh memberikan sumbangan-sumbangan kebajikan ini melalui pemotongan-pemotongan daripada cukai dan sebagainya tetapi saya berpendapat bahawa perkara ini biar dikhususkan, biarlah Bank Simpanan Nasional menjadi sebagai peneraju kepada badan-badan korporat dan badan-badan swasta di negara kita ini supaya memperlihatkan kesungguhan mereka untuk menerima tanggungjawab sosial ini supaya ada tabungan khusus yang ditentukan untuk mewujudkan tabungan khusus yang mana akan difikirkan kelak untuk tujuan-tujuan, kemungkinan tabung pelajaran, kemungkinan membantu pelajar-pelajar yang tidak bernasib baik, kemungkinan membantu mereka yang ditimpa kemalangan dan sebagainya.

Saya kira pada hari ini Bank Simpanan Nasional melalui pengurusinya telah pun memberikan bantuan-bantuan ini bila ada berlaku kemalangan dan sebagainya tetapi saya ingin untuk menaikkan imej bank, untuk menentukan supaya bank ini tetap berada di hati rakyat supaya tabung kebajikan ini dapat diperjelaskan dan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, mempunyai satu kakitangan khusus, satu bahagian khusus yang memberi perhatian supaya bantuan ini bukan diberikan sekadar publisiti sahaja tetapi bantuan ini diberi dengan perasaan tanggungjawab dan menganalisa setiap insiden-insiden yang berlaku di negara kita, setiap pihak-pihak yang memerlukan bantuan.

Dalam keadaan negara kita yang maju pada hari ini, saya berpendapat kalau semua pihak korporat terutamanya badan-badan yang asalnya daripada kerajaan merasakan bahawa ini tanggungjawab mereka, sudah tentulah menteri-menteri, timbalan menteri dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri sendiri tidaklah pening kepala

memikirkan bagaimana hendak mengatasi masalah-masalah sosial yang dihadapi kerana pihak korporat akan memberikan sumbangan mereka, komitmen mereka bukan sahaja sebagai publisiti.

Setengah-setengah tempat kita dapati ada juga kalau ada orang-orang tertentu yang hadir dalam majlis makan malam dan sebagainya berebut-rebut syarikat-syarikat, badan-badan swasta dan sebagainya menghulurkan derma. Kadang-kadang dalam majlis-majlis tertentu, majlis-majlis jamuan makan malam diumumkan kalau ada pembesar-pembesar yang tertentu menyumbangkan suara, diumumkan sumbangan daripada pihak badan-badan swasta, syarikat dan sebagainya, tetapi akhirnya sumbangan itu cuma diumumkan tetapi tidak sampai ke mana sebahagian ada, sebahagian cuma diumpun saja. Saya pun tahu ada majlis-majlis makan malam yang dijangkakan berjuta-juta ringgit, sebenarnya tidak dapat pun kerana pihak-pihak yang tertentu itu cuma bagi mereka publisiti yang penting sedangkan saya sebutkan di awalan tadi, kita sebagai umat Islam dan juga sebagai orang-orang lain yang beragama lain juga saya rasa mempunyai satu pemikiran yang sama, kalau kita sanggup bersedekah, rezeki akan datang melimpah-limpah.

Saya fikir kalau Bank Simpanan Nasional sanggup menjadikan ia sebagai satu badan terulung dalam memperlihatkan peranannya di dalam kebajikan ini, kita akan, insya-Allah, kalau dilakukan dengan benar-benar ketulusikhlasan, kita akan melihat bank ini satu hari nanti menjadi bank yang akan mendapat keberkatan dan akan meletakkan kedudukannya sebagai satu bank yang dihormati dan mungkin akan mendapat peluang-peluang rezeki yang lebih murah lagi dalam negara ataupun di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sebutkan di sini iaitu mengenai juruaudit. Dalam akta yang sebegini tebal telah pun diperturunkan segala perkara terpenting termasuklah kesalahan juruaudit dan sebagainya. Kalau kita

menyingkap kembali peristiwa BMF yang lalu amat menyayat hati. Saya tidak tahulah dari segi urusan-urusan bank ini bagaimana agaknya, memang di sini disebut menteri akan mengawal segala-galanya. Kuasa-kuasa menteri adalah besar. Kita memang yakin kemampuan dan kebolehan menteri untuk mengawal, tetapi tidak mungkin menteri akan tahu setiap urusan niaga dan juga setiap peristiwa yang berlaku di dalam syarikat-syarikat yang tertentu. Tentu menteri tidak akan dapat mampu mengetahuinya. Oleh itu, peranan juruaudit sama ada audit dalam ataupun audit luar sudah tentu penting.

Bagaimana kalau dapat dikesan perkara ini lebih awal dalam masa proses-proses urusan niaga kewangan yang mempunyai risiko yang tinggi ataupun urusan niaga kewangan yang dijalankan dengan mempunyai helah-helah yang tertentu dapat dikesan lebih awal sebelum perkara-perkara ini menjadi satu skandal yang besar. Ini bukan sahaja berlaku di negara kita, tetapi berlaku di mana-mana. Oleh itu, saya berpendapat bahawa peranan juruaudit harus kita persoalkan.

Saya pernah menguruskan perniagaan, kadang-kadang, minta maaflah Yang Berhormat Menteri, juruaudit-juruaudit setahu saya dalam juruaudit bertauliah ini kalau syarikat-syarikat biasa macam-macam fiil, ada yang boleh calculate, dengan izin, pengiraan-pengiraan melarikan cukai pun boleh dan ada juga juruaudit-juruaudit dengan pihak-pihak pengurusan, apa yang sekarang disebut 'ngam' - berpakat baik boleh berunding, jadi apa yang dilaporkan kepada pihak-pihak yang berwajib telah pun disusun atur sehingga ada perkara-perkara yang sepatutnya boleh diquery, dengan izin, tetapi terselindung di sebalik laporan yang dibuat. Ini tidak mustahil. Walaupun ini merupakan etika juruaudit, tetapi dalam soal ini ada juga berlaku di mana juruaudit ini boleh diajak runding oleh pihak-pihak pengurusan.

Kita berharap juru audit yang akan dilantik oleh Bank Simpanan Nasional ini dengan persetujuan menteri, disebut di sini, adalah juruaudit-juruaudit yang bertanggungjawab. Kita tidak dengar di dalam peristiwa-peristiwa yang berlaku di negara kita sama ada BMF, PERWAJA Steel dan sebagainya, kenapa orang-orang yang bertanggungjawab dari segi profesionnya, yang menasihatkan kita dari segi kewangan ini tidak dipertanggungjawabkan. Seharusnya perkara ini dapat dikesan lebih awal kerana kalau skandal-skandal yang besar, ia tidak akan dapat berlaku dalam sekelip mata, sudah tentu memakan masa yang lama dan panjang.

Jadi, dalam soal ini saya juga berpendapat bahawa kita harus memperlengkapkan, harus menentukan badan-badan kawal selia ini dapat memberi nasihat kepada menteri. Kalau pembangkang dalam Dewan Rakyat hendak potong gaji menteri 10 sen, 20 sen, saya rasa itu tidak adil. Menteri tidak akan dengan magic dia boleh tahu semua, menteri tidak akan tahu semua. Kita sendiri pun kalau kita hendak mempersoalkan sesuatu perkara, kalau kita diletakkan dalam keadaan itu pun kita tidak akan dapat tahu, kecuali kita dapat melihat laporan-laporan, kita dapat mengkaji analisa-analisa yang tertentu, diberitahu, ditanyakan pendapat kalau sekiranya ada perkara-perkara yang di luar dugaan dan sebagainya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Satu lagi, yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang akhir sekali.....

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya kita beri 20 minit sahaja sepanjang-panjangnya, tetapi ini sudah lebih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Bolehkah satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua? Saya ingat mungkin kawan-kawan saya nanti akan dapat menyambung, cuma saya hendak beri sedikit sahaja huraian yang tidak panjang.....

Tuan Yang di-Pertua: Ramai Yang Berhormat lain hendak bercakap lagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Dari segi pemegang-pemegang syer. Kita tengok pengkorporatan-pengkorporatan ini diberi peluang kepada pegawai, kepada kakitangan dan sebagainya. Dalam soal mengkorporatkan badan-badan ini, saya pohonlah kepada pihak kerajaan supaya diteliti mereka yang memberi sokongan kepada Bank Simpanan Nasional. Ada setengah itu kliennya daripada simpanan pejabat pos, zaman-berzaman, daripada dahulu dia tidak pernah lari daripada BSN, sejak daripada mungkin yang ada tahun 1949 hingga ke hari ini dia menyimpan walaupun RM1, RM2, RM10, dia menjadi pelanggan setia, diberilah kalau ada pink formkah, apakah. Janganlah kita yang tahu sahaja yang mendapat, mereka ini pun patut kita beri perhatian. Mungkin mereka tidak tahu hendak minta, tidak tahu hendak tanya, tetapi saya kira bank harus memberi perhatian kepada mereka yang telah pun sama-sama jatuh bangun dengan bank, termasuk kalau ada koperasi-koperasi kakitangan dan sebagainya.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 6(3), saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Tuan Ding Seling untuk mempengerusikan Majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Puan Kamilia.

4.40 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin membuat rumusan untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan dan memandangkan banyak lagi bil yang perlu kita luluskan, saya hanya akan menyentuh empat perkara yang ingin saya suarakan.

Pertamanya, memanglah kita faham bahawa kekukuhan sistem perbankan negara adalah amat penting untuk pembangunan ekonomi negara dan Bank Simpanan Nasional adalah satu-satunya bank yang perlu dilihat sebagai menerajui bank lain terutamanya untuk menepati kehendak orang ramai tidak kira di bandar ataupun di luar bandar. Jadi, yang menarik kepada saya tentang Bank Simpanan Nasional ialah matlamatnya sebagai satu daripadanya iaitu merupakan satu yang mempunyai matlamat sosial.

Dalam konteks ini inginlah saya menyentuh tentang tujuannya iaitu kuasa dan tugas bank di bawah Bahagian VI, terutamanya tentang peranan sosialnya. Pertamanya ialah tentang program tabungan ataupun menggalakkan tabungan oleh pihak bank. Jadi, inginlah saya menyatakan di sini bahawa pihak BSN telah pun berjaya meliputi lebih kurang 1,442 sekolah yang saya difahamkan data 1995 di bawah skim galakan simpanan pelajar. Ini adalah satu pencapaian yang baik dan diharapkan telah dapat memberi manfaat kepada pelajar-pelajar sekolah terutamanya di luar bandar.

Cuma saya ingin menyarankan, kalau dapat, skim simpanan atau tabungan ini dilebarkan dan dijadikan satu program simpanan mandatori untuk sekolah-sekolah bagi setiap murid yang mendaftar di sekolah pada masa ia masuk Darjah 1 dan dengan cara automatik ia hendaklah membuka akaun dengan BSN supaya ia menabung setiap hari sekurang-kurangnya 1% daripada wang sakunya. Kalau saya kira dari hanya 10 sen, bila dia sampai ke Darjah 6, dia mungkin akan dapat RM300 dan kalau pun dia sampai kepada Tingkatan 5 mungkin dapat RM600.

Kita selalu dengar masalah murid-murid Melayu di luar bandar tidak mampu pergi ke sekolah asrama sebab tidak ada duit hendak beli persediaan untuk masuk ke sekolah-sekolah asrama. Ini adalah sangat menyedihkan. Saya rasa perkara ini bukanlah perkara wakil rakyat yang perlu mengambil beban. Sebenarnya ibu bapa perlu mengambil tanggungjawab ini.

Saya berpendapat bahawa jikalau kita memperkenalkan satu skim mandatori menabung di sekolah-sekolah, kerana bukannya menjadi satu masalah tetapi ianya mungkin akan dapat membantu kanak-kanak itu menilai wang dari segi simpanan dan seterusnya juga ianya dapat menghargai bahawa ianya juga mampu untuk membiayai, dapat berdikari. Kalau wang itu mungkin dia boleh gunakan untuk keperluan-keperluan sekolah dan sebagainya.

Jadi, kalau BSN dapat menerima cadangan ini, saya merasakan salah satu daripada masalah kemiskinan ataupun mungkin lebih tepat, ketidakmampuan anak-anak Melayu terutamanya, mungkin anak-anak India dan Cina juga, boleh dapat diatasi dengan kita menjadikan ianya mandatori untuk membuka akaun simpanan tabung pendidikan bagi tiap-tiap murid yang mendaftar dan seterusnya sehinggalah mereka tamat persekolahan.

Yang keduanya dalam konteks sosial ini juga, saya ingin mencadangkan kepada pihak Bank Simpanan Nasional untuk mewujudkan satu sistem kredit atau pinjaman kecil khas untuk usahawan wanita. Kita tahu daripada khidmat ataupun skim IKHTIAR, ramai wanita yang telah mengambil bahagian dan mereka telah mengambil pinjaman dan telah mampu membayar balik dan seterusnya telah menjayakan usaha-usaha niaga mereka.

Saya ingin menyuarakan pandangan ini kerana di kampung-kampung, saya banyak berjumpa wanita yang mahu untuk berniaga tetapi tidak tahu mana hendak dapatkan modal-modal yang kecil - bukan modal besar tetapi modal kecil. Dengan adanya skim ini saya merasakan bahawa galakan untuk mewujudkan usahawan di kalangan wanita ini akan bertambah. Bukanlah maknanya orang lelaki tidak boleh, tetapi khususnya kepada wanita kerana wanita ini masih lagi ke belakang dan masih lagi kurang pengetahuan tentang sistem perbankan. Kalau BSN yang merupakan satu bank yang telah dapat diwujudkan di semua pekan kecil, maka wanita ini akan belajar menggunakan khidmat

bank dan saya percaya mereka juga akan merupakan peminjam yang efisien yang akan membayar balik wang yang dipinjam.

Yang ketiganya, dari segi khidmat sosial, kita tahu bahawa BSN ada ATM sebanyak 585 di mana client ataupun pelanggan memasukkan wang dan menggunakan servis ATM. Di sini saya ingin juga menyampaikan rungutan penyimpan-penyimpan di Bank Simpanan Nasional yang menggunakan berkhidmat ATM. Ada yang mengatakan ataupun lebih tepat setelah datang berjumpa saya yang mengadu bahawa wang di dalam simpanan yang disimpan dengan sistem ATM ini didapati hilang, tetapi jumlah yang hilang itu ialah jumlah yang kecil. Ini berlaku di kalangan mereka yang berpendapatan kecil. Jadi, walaupun mungkin jumlah itu kecil, tetapi kerana banyaknya jumlah itu yang hilang, tidak dapat, not accountable for, dengan izin, maka jumlah itu sebenarnya adalah merupakan satu jumlah yang besar kepada orang yang mungkin bertanggungjawab.

Jadi, kepada mereka yang terlibat ini menjadi satu masalah untuk mengadu, kerana jumlah itu terlalu kecil, dan kita tahu bila aduan untuk masalah kecil itu tidak mendapat perhatian. Sebenarnya saya disuruh mengambil tindakan undang-undang, tetapi saya sendiri juga tidak dapat mengesan dan tidak dapat memberi bantuan yang berkesan. Cumanya mungkin boleh dicadangkan di sini bahawa khidmat ATM ini dapatlah dipertingkatkan agar ia lebih efisien dan tidak menganiaya mereka dari kumpulan pendapatan rendah.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang pengawalan dan pengawasan bank. Ini adalah diperuntukkan dengan jelas di bawah Bahagian IX, di bawah Fasal 22, 44, 17, 29, 30, 44 dan seterusnya. Pada hemat saya, peruntukan-peruntukan ini sudah amat kemas. Memanglah dapat dikatakan bahawa kepentingan penyimpan ataupun mereka yang mempunyai transaksi dengan bank adalah akan terlindung. Walau

bagaimanapun, saya berpendapat bahawa pengawalan kepada transaksi di bank untuk pelanggan-pelanggan terutamanya dan juga aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pihak bank adalah sangat penting dikawal dan dikawal selia. Dalam konteks ini, maklumat adalah sangat penting. Maklumat yang tepat dan cepat adalah sangat penting kerana dengan maklumat yang tepat dan cepat itulah maka keputusan-keputusan yang lebih efisien akan boleh dibuat.

Dalam perkara ini, inginlah saya mencadangkan BSN dalam pelan tindakannya ataupun perancangan masa depannya akan membuat satu unit penyelidikan dan pembangunan terutamanya menerokai bidang teknologi. Kita banyak membaca dalam majalah-majalah, contohnya yang dapat saya baca ialah daripada satu artikel dalam *The Economist*, 'A Survey of Technology in Finance' dengan izin, yang bertajuk 'Turning Digit Into Dollars'. Ianya merupakan satu rencana yang panjang yang sangat menarik yang telah menyenaraikan berbagai-bagai aspek pembangunan teknologi dan perbankan. Jadi, adalah diharapkan pihak BSN juga akan mengambil inisiatif untuk dapat menerokai bidang teknologi dan seterusnya dapat mempertingkatkan khidmat dan juga urusan perbankannya.

Seterusnya saya juga ingin mengingatkan, mungkin peringatan ini juga BSN telah mengambil kira, iaitu tentang pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh BSN. Apa yang didapati di dalam laporan tahunan BSN ialah 86.5% pinjaman yang diberi ialah kepada individu dan sebahagian besar pinjaman itu ialah pinjaman perumahan. Jadi, di sini BSN saya fikir sewajarnya berwaspada, terutama untuk pinjaman perumahan bagi rumah yang belum siap dan seterusnya meneliti pemaju-pemaju selain daripada peminjam-peminjam. Dan juga mungkin kita semua sedar tentang apa yang telah berlaku di negara

jiran di Thailand, di mana terlalu banyak harta untuk terlalu sedikit orang dan telah menyebabkan banyaknya bank di sana collapse, dengan izin, atau jatuh.

Yang ketiganya, di bawah pengawalan, pengurusan dan pengawasan bank ini, saya juga berpendapat bahawa pemilihan pengerusi dan ahli lembaga pengarah dan juga juruaudit perlulah mempunyai kriteria yang munasabah dan akan dapat memanfaatkan bank itu sendiri. Ini memang terdapat dengan jelas dinyatakan di bawah Fasal 29, 30 dan 31. Walau bagaimanapun, kewajaran perlantikan adalah penting terutama dalam era teknologi maklumat kini di mana profesionalisme adalah satu kriteria yang sangat kritikal. Kita bukan lagi kalau kita lihat dalam pembangunan, perancangan-perancangan negara, dalam peringkat percubaan, tetapi kini sekarang kita adalah dalam satu peringkat di mana profesionalisme yang tinggi adalah sangat penting, di mana keputusan-keputusan ataupun sesuatu tindakan dilakukan oleh bank itu perlulah tepat dan nyata dan merupakan satu-satu tindakan yang telah diberi satu analisa profesionalisme.

Justeru itu, adalah untuk kita dapat benar-benar melahirkan satu bank yang dapat menepati matlamatnya dan tidak pula akan memberikan penganiayaan kepada pendeposit-pendepositnya, dan dalam konteks BSN ini kita lebih perlu berhati-hati kerana ramai di antara pendepositnya adalah mereka dari luar bandar yang berpendapatan rendah. Kita tidak mampu untuk mendapatkan satu bank yang tidak boleh menepati janji-janjinya. Saya percaya BSN akan terus berjaya. Walau bagaimanapun, ini adalah sebagai satu ingatan dan juga saya berpendapat bahawa BSN juga perlu merupakan satu sistem perbankan yang adil dan saksama, dan ianya perlulah juga mengamalkan prinsip-prinsip perbankan Islam yang kita kira prinsip-prinsip yang amat saksama dan adil. Kerana telah terbukti bahawa bank-bank Islam yang wujud di negara ini bukan sahaja dilangani oleh orang Islam, tetapi juga orang bukan Islam. Malah lebih ramai orang

bukan Islam melangani bank-bank Islam kerana sistemnya yang tidak menekan, terutama menekan dengan penggunaan riba yang tinggi. Kita juga tahu banyak telah dibicarakan tentang elemen riba oleh pemikir dan ahli-ahli perbankanan Islam yang telah mula menonjolkan idea-idea baru dalam sistem perbankan abad ke-21.

Lagi satu dalam kawalan ini saya sudah sebut tadi, iaitu penyelidikan dan pembangunan yang semestinya menekankan kepada kawalan dalaman. Satu kawalan yang mampu melihat ke hadapan, dapat memberi educate provision for possible future problems, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Yang ketiga, ialah dari aspek pengurusan. Pengurusan bank perlulah kos efisien, dan pihak pengurusan juga perlulah dapat memberi berkhidmat yang efisien dengan pemantapan pelaburan dan juga dapat menghasilkan produk-produk bank yang dapat memberi keuntungan kepada pihak bank.

Saya ingin mencadangkan di sini, jikalau BSN sebenarnya mempunyai satu visi, misi dan matlamat yang lebih besar, berkemungkinan BSN jika ianya mahu melebarkan lagi khidmatnya, mahu lagi melebarkan aktivitinya dan seterusnya dapat membangun dengan lebih besar, adakah agaknya, ini adalah pandangan saya, BSN boleh memikirkan untuk membuat satu percantuman dengan bank yang lain supaya, contohnya dengan bank-bank yang dimiliki secara koperasi dan sebagainya. Kerana ini mungkin akan lebih dapat memberikan bank kekuatan untuk ianya dapat memberi khidmat yang lebih meluas seperti yang saya katakan tadi bahawa kita mengharapkan bahawa fungsi sosial BSN itu benar-benar akan dapat dilaksanakan.

Tetapi jikalau ianya tidak mempunyai kemampuan yang secukupnya, terutamanya jikalau ianya hendak menjadi satu bank yang dapat memimpin bank-bank lain dalam bidang teknologi, maka pastinya ianya memerlukan lagi lebih ramai kepakaran dan seterusnya lebih banyak lagi modal. Dan kepakaran kita tahu adalah satu masalah di

negara ini, kerana kurangnya human resource untuk kita mendapatkan kepakaran yang sewajarnya untuk membangunkan bank-bank. Contoh-contoh bank di negara kita sendiri pun kita telah ada dua merges, kalau saya tidak silap yang pernah diberitahu oleh Setiausaha Politik Kementerian Kewangan. Tetapi kita dapati juga di Amerika telah membuat banyak percantuman bank yang telah dapat memberi manfaat. Walau bagaimanapun, cadangan ini saya harap mungkin boleh dikaji oleh BSN, kerana ada juga bank-bank lain di dunia, contohnya di Austria yang enggan mengikut kepada contoh percantuman bank. Walau bagaimanapun, adalah sepatutnya menjadi hasrat BSN untuk ianya dapat ke depan, dan seterusnya bila ke depan, ianya dapat melihat kepada perkembangan perbankan di sekelilingnya untuk terus maju.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mencontoh sekali lagi ialah tentang perancangan masa depan BSN. Saya telah menyentuh tadi bahawa BSN perlulah merupakan bank yang sebenarnya memimpin bank-bank lain. The leading bank, agar sebenarnya ia dapat menepati matlamat kerajaan untuk ianya dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi, terutamanya kepada pihak pengguna. Mungkin BSN dapat memberikan satu visi masa depannya sebagai satu virtual bank, dengan izin, dan ianya dapat menggunakan teknologi-teknologi tinggi dengan semaksimum yang mungkin. Mungkin BSN merupakan satu bank yang mula-mula menggalakkan orang ramai untuk menggunakan khidmat ATM dan tidak beratur panjang sepertimana yang kita dapat sekarang ini.

Kalau kita lihat di bank-bank, orang ramai agak jarang menggunakan ATM, tetapi lebih suka menggunakan teller manusia. Jadi, mungkin BSN merupakan bank yang boleh memberi insentif-insentif contohnya, mungkin membayar berapa sen untuk orang yang menggunakan ATM supaya BSN dapat merupakan bank yang lebih efisien. Kalau saya

tidak silap BSN adalah satu-satu bank yang selalunya the queue ataupun yang menunggu gilirannya adalah selalunya sangat panjang. Mungkin BSN merupakan bank simpanan yang kecil, lebih ramai yang menggunakan khidmatnya. Mungkin ada baiknya kalau BSN setelah ianya dikorporatkan akan dapat memberi imej baru yang boleh dijadikan contoh, dan seterusnya dapat merupakan satu bank pengguna yang diminati dan diberi sokongan oleh orang ramai. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

4.58 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahas pindaan rang undang-undang ini, dan insya-Allah saya akan bercakap seberapa ringkas yang boleh.

Tuan Ding Seling: 20 minit, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya. Saya bersetuju dengan pandangan sahabat-sahabat saya tadi. Kalau kita lihat dalam huraian pindaan rang undang-undang ini yang menyebut bahawa pindaan rang undang-undang ini yang bertujuan menyediakan asas bagi pengkorporatan Bank Simpanan Nasional. Walaupun Bank Simpanan Nasional ini akan dijadikan sebuah bank yang dikorporatkan dengan nama Bank Simpanan Nasional Berhad, tetapi bank ini bukan diberi lesen bank. Tetapi ianya masih dikawal oleh kerajaan. Ianya boleh berfungsi di dalam skop Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Inilah keistimewaan yang ada pada rang undang-undang ini, iaitu mengubah bentuk operasi Bank Simpanan Nasional kepada operasi yang lebih konvensional, tetapi masih dikawal oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, konsep pindaan rang undang-undang ini sudah tentu fungsi bank ini dapat dikekalkan dengan bertujuan untuk memberikan khidmat sosial seperti yang ianya diasaskan pada satu masa dahulu. Seperti yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, Bank Simpanan Nasional mempunyai sejarah yang cukup panjang dan bank ini memainkan peranan dalam pelbagai sektor.

Saya yakin pindaan rang undang-undang ini memang wajar dan sesuai sekali dengan masa sekarang ini lebih-lebih lagi dengan keadaan negara kita mengalami beberapa perubahan dalam pelbagai sektor, maka sudah tentu institusi bank yang berkait dengan pembangunan sosial masyarakat luar bandar ini perlu turut berubah tetapi perubahan janganlah sampai berlaku khidmat-khidmat sosial yang secara tradisi itu apabila bank ini berubah, dikorporatkan maka perkara-perkara keuntungan itu lebih diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya sebutkan supaya pihak bank tidak melupakan sistem kewangan Islam seperti yang kita tekankan selalu, sebab saya lihat di dalam seksyen pindaan rang undang-undang ini iaitu perkara 86(1) ada menyebut perniagaan bank atau kewangan Islam dan begitu juga akta yang berikutnya dengan kebenaran menteri.

Maka sudah tentulah pihak pengurusan bank tidak akan mensia-siakan peruntukan ini untuk menguruskan sistem kewangan Islam melalui Bank Simpanan Nasional Berhad nanti.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga berkenaan dengan tujuan yang tercatat dalam perkara 9 (1) yang ingin saya sebutkan di sini ialah perkara 9 (2)(e) mengadakan skim amanah saham.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita tahu, kerajaan memerlukan tabungan yang banyak untuk mengumpulkan modal dalaman untuk kita laburkan dalam pelbagai sektor. Kalau kita berharap wang pelaburan ini daripada luar, maka kesan-kesan sampingan daripada luar itu mungkin menjejaskan kedudukan ekonomi negara kita.

Oleh itu, peranan Bank Simpanan Nasional Berhad boleh ditingkatkan dalam usaha mendapatkan tabungan modal dalaman. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya pihak Bank Simpanan Nasional ini akan membuka cawangan-cawangannya di institusi-institusi pengajian tinggi yang akan diswastakan dan juga di bandar-bandar baru yang akan dibangunkan misalnya di rancangan FELCRA yang selepas ini dikenali dengan FELCRA Berhad, FELDA dan sebagainya. Sekarang ini hanya ada perkhidmatan bergerak, mereka tidak mengadakan cawangan yang kekal di situ. Saya rasa sudah sampailah masanya sekarang ini Bank Simpanan Nasional juga mengadakan cawangan yang tetap di tempat-tempat yang saya sebutkan itu.

Begitu juga di institusi pengajian tinggi sekarang ini, sebab ini membolehkan penuntut-penuntut ataupun penghuni-penghuni di tempat-tempat baru ini turut menabung menggunakan kemudahan kewangan yang akan diwujudkan oleh Bank Simpanan Nasional nanti.

Saya bersetuju supaya bank ini juga memainkan peranan dalam perniagaan insurans, sebab kita tahu produk insurans Islam sekarang ini masih kurang, cuma kita ada takaful sahaja. Sebab insurans ini adalah satu saluran yang kita boleh mengadakan tabungan dan insurans ini juga akan memberi satu perkhidmatan yang banyak di dalam bidang khidmat sosial. Oleh sebab itu, produk insurans yang akan dibuat ini hendaklah lebih menarik, lebih memberi saingan dengan produk insurans yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan skim amanah saham. Sudah tentu apabila Bank Simpanan Nasional ini dikorporatkan, Bank Simpanan Nasional hendaklah memainkan peranan untuk memegang saham-saham yang diperuntukkan kepada bumiputera khasnya. Misalannya, sekarang ini kita tahu Amanah Saham Wawasan 2020 yang mana peruntukan kepada pelajar-pelajar penuntut bumiputera itu masih banyak lagi yang belum dibeli. Maka sudah tentu Bank Simpanan Nasional boleh mencari jalan supaya membeli saham-saham yang diperuntukkan ini selepas itu mengadakan suatu skim khusus untuk dijual balik kepada pelajar-pelajar bumiputera yang mampu melalui skim-skim yang berkenaan.

Dan begitu juga saya mencadangkan supaya apa juga hadiah yang akan diberi oleh pihak kerajaan ataupun pihak institusi kepada pelajar-pelajar yang berjaya di dalam pelbagai bidang, mereka seboleh-bolehnya hendaklah memberi hadiah dalam bentuk wang melalui Bank Simpanan Nasional dan Bank Simpanan Nasional juga boleh berunding dengan pihak swasta dan syarikat swasta yang mempunyai banyak pekerja yang berpendapatan rendah supaya membayar gaji melalui Bank Simpanan Nasional.

Ini usaha-usaha yang harus dibuat kerana melalui ini akan menjadi satu tabungan yang besar dan akan menjadi suatu amalan yang berfaedah kepada pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan menguruskan saham, kumpulan wang, syer, debentur, stok debentur, bon, kewajipan sekuriti dan semua jenis pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya pihak Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan memberi huraian yang lebih jelas mengenai kuasa-kuasa ini, sebab kadangkang kita tidak mahu pihak yang tertentu mengambil kesempatan untuk menggunakan

kemudahan itu untuk kepentingan peribadi ataupun kumpulan sahaja, tetapi tidak memberi manfaat kepada umum secara yang lebih sewajarnya.

Dan begitu juga menggunakan kumpulan wang bank bagi pelaburan. Dia ada kaitan juga. Dan kita tahu, sudah tentulah sektor bank yang bank konvensional untuk hendak meningkatkan, menambahkan modal dan keuntungan, sudah tentu bank-bank ini perlu membuat pelaburan yang mempunyai risiko tinggi.

Jadi, dalam masalah ini, Bank Simpanan Nasional, saya yakin mempunyai peluang yang cukup baik, terutama sekali apabila kerajaan hendak mengadakan syarikat-syarikat seperti Perwaja, Tenaga Nasional Berhad, Telekom dan berbagai-bagai lagi di mana kerajaan mempunyai kepentingan, maka sudah tentulah pelaburan-pelaburan ini perlu diambil kesempatan oleh pihak Bank Simpanan Nasional yang boleh melabur balik wang-wang yang disimpan oleh orang-orang yang berpendapatan rendah ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menyokong penuh di atas pindaan rang undang-undang ini dengan harapan pengurusan pihak bank ini akan memberi perhatian berat terhadap pelaburan rakyat yang berpendapatan rendah terutama sekali golongan daripada luar bandar yang sudah tentu boleh memberi faedah dan manfaat dari segi melanjutkan pelajaran anak-anak mereka, dari segi menjalankan perniagaan kecil, dari segi melabur di dalam amanah-amanah saham. Sekian, dan saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Ding Seling: Tidak ada lagi yang hendak berucap. Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan untuk menjawab.

5.07 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang

Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin, Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim dan juga Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini.

Pertama-tamanya kita tahu bahawa Bank Simpanan Nasional ini dekat di hati sanubari kita, untuk diri saya sendiri, saya masih ada simpan lagi Post Office Book itu untuk buat kenang-kenangan dan ini merupakan satu nostalgia seperti kata Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah tadi.

Dan oleh kerana itu, saya memberi jaminan di sini bahawa perkara sosial ini amat penting dan kita akan melipatgandakan lagi. Walaupun kita katakan tadi, kita telah pun mengadakan di ceruk rantau dan di segala pelosok pejabat-pejabat kita dan saya rasakan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan kita ambil ingatan. Pertamanya, mengenai budak-budak sekolah yang telah disuarakan oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada satu skim galakan simpanan pelajar di sekolah-sekolah di Malaysia tahun 1994, saya ada bukunya di sini [*sambil menunjukkan buku tersebut*] dan ini pun Majlis Penyampaian Hadiah kepada pelajar-pelajar dan sekolah-sekolah yang banyak menyimpan.

Di sini, kita memang menggalakkan untuk pelajar-pelajar kita menyimpan supaya dapat mereka ditanamkan tabiat menyimpan wang. Tetapi untuk pandangan Yang Berhormat Puan Kamilia supaya kita adakan paksaan, saya rasakan perkara “paksaan” itu agak drastik sedikit, tetapi kita akan cuba memujuk anak-anak kita supaya dapat menyimpan. Kerana daripada pemerhatian saya, semasa menjadi pegawai kerajaan dahulu, kita melihat bahawa di setengah-setengah tempat terutamanya di Kelantan, anak-anak kita pergi ke sekolah menaiki bukan bas, bukan basikal tetapi menaiki kereta api.

Jadi, rumah mereka di pedalaman dan menunggu di tepi rel, tidak ada pun stesen kereta api yang tetap dan di situ mereka terpaksa keluar daripada rumah pukul 5.00 pagi dan sebagainya, menaiki basikal sampai ke tepi jalan kereta api dan menahan kereta api. Dan mereka kena pulang balik kadang-kadang itu tak sampai lagi pukul 1.00 petang, pada pukul 12.00 tengah hari, kerana kalau tidak mereka terpaksa tinggal di sekolah berkenaan.

Jadi, semasa saya membuat 'research' dahulu, saya telah bertanya apa yang mereka bawa, kebanyakannya mereka bawa ubi ataupun lempeng ataupun nasi goreng. Jadi, mereka tidak mempunyai wang untuk dibawa ke sekolah. Walau bagaimanapun, pemerhatian daripada Yang Berhormat Puan Kamilia, kita akan ambil ingatan supaya dapat kita banyak lagi rancangan-ancangan kita untuk menyimpan bagi kanak-kanak kita.

Dan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah telah menyatakan kalau boleh iaitu kita adakan tabungan khas, ini pun suatu rancangan yang bagus dan walau bagaimanapun, sumbangan-sumbangan yang telah diberikan oleh bank sama ada dalam bentuk kewangan, barangan atau sebagainya telah pun kita jalankan, pertamanya, sumbangan tabung Bosnia, ini telah pun dijalankan, sumbangan kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) telah pun juga dijalankan dan sumbangan kepada sesi-sesi kaunseling seperti kaunseling Islam di universiti antarabangsa telah juga kita jalankan.

Laporan-laporan aktiviti sosial dan kebajikan telah banyak diadakan di sekolah-sekolah, Hari Kantin Sekolah, Sukan Sekolah, Seminar Pendidikan, Majlis Jamuan Hari Raya dan sebagainya untuk menggalakkan anak-anak kita di sekolah tahu bahawa Bank

Simpanan Nasional adalah untuk mereka dan bahan-bahan galakan telah juga diberi kepada pelajar-pelajar sekolah seperti sarung plastik, key chain dan sebagainya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, Puan Hajah Mastika Junaidah minta laluan. Boleh beri laluan?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam muka surat 27 - Pembahagian Wang Rizab tadi, disebutkan Kumpulan Wang Rizab dan disebut peratusan yang boleh dikeluarkan daripada untung sebelum diagihkan kepada cukai sebelum ada pemberian cukai, 40% daripada untung bersih termasuklah wang rizab. Adakah kemungkinan boleh dalam bank ditentukan 10% dimasukkan dalam tabungan, itu yang saya maksudkan. Ada peratusan khusus daripada untung dan diletakkan dalam tajuk 'tabungan' di mana tabungan itu akan digunakan untuk kebajikan supaya komitmen itu bukan sahaja dikatakan tetapi ada dalam statement of account, dengan izin.

Tuan Ding Seling: Sila.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya belum sampai ke situ lagi Yang Berhormat. Kita akan jelaskan kemudian.

Dan di sini kita juga ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat bahawa insurans yang Ahli Yang Berhormat katakan tadi, bahawa bidang insurans merupakan bidang yang berkaitan dengan penyimpanan dan berobjektif untuk memenuhi kehendak hidup para individu pada masa hadapan.

Ini juga yang diterangkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar. Dan cara perkhidmatan ini disediakan belum ditentukan lagi, Yang Berhormat dan kemungkinan

besar ianya akan dijalankan melalui penubuhan sebuah anak syarikat di bawah BSN seperti yang telah pun kita jalankan BSN komersial dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah juruaudit seperti yang dikatakan tadi dan masalah financial fraud, dengan izin, selain daripada mempunyai Juruaudit Dalam yang saya rasakan kita pertingkatkan dari masa ke semasa, apa yang perlu kita jalankan ialah mengenai tarbiah keagamaan iaitu apa yang selalu dikatakan ialah mengenai 'ethics' dan 'morality' pekerja-pekerja supaya tidak ada penyelewengan yang diperkatakan.

Dan saya juga telah banyak mengatakan tentang kepegawaian untuk mengambil mereka ini dalam bank, kita telah pun juga mengesyorkan supaya kita ada 'personality test' yang telah pun saya perkatkan di Dewan Rakyat supaya 'personality test' ini merupakan salah satu daripada beberapa ujian yang dapat kita jalankan, agar pegawai-pegawai yang masuk dalam institusi perbankan ini dapat kita perhatikan supaya 'personality treats'nya dapat membendung mereka dari menjalani ataupun melakukan 'financial fraud'.

Dan 'personality test' ini telah pun kita jalankan kepada Biro Siasatan Negara (BSN) bukan Bank Simpanan Nasional dan saya telah dimaklumkan oleh Bank Negara Malaysia bahawa satu jabatan di bawah personal telah juga mengadakan 'personality test' ini untuk kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai Bank Negara. Dan kita harapkan bahawa 'personality test' ini akan diajukan kepada perbankan-perbankan yang lain supaya menjadikan salah satu faktor daripada beberapa faktor untuk mengambil pegawai-pegawai yang berkenaan.

Mengenai yang diperkatakan tadi tentang tabungan khas, saya mengambil ingatan tentang perkara ini kerana apa yang selalu diperkatakan adalah juga mengenai 'profit corporate probability versus sosial opportunity, dengan izin, selalunya kita akan memberikan wang itu secara *ad hoc*. Tetapi pandangan daripada Yang Berhormat kita

mengambil kira sekiranya ada tabungan khas untuk itu dapat kita bukan sahaja memberikan kebajikan-kebajikan, tabung-tabung kepada tabung kebajikan yang menghendakinya, tetapi ia akan merupakan juga satu saluran dana yang berpanjangan.

Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim telah juga menyentuh supaya menggalakkan tabungan dari segi menggalakan simpanan pelajar di sekolah ini. Sebagaimana yang saya katakan tadi, kita cuba menggalakkannya kerana banyak juga di tempat yang terpencil anak-anak miskin tidak membawa duit.

Mengenai pinjaman kecil iaitu Skim Ikhtiar yang diperkatakan itu saya tertarik dengan ini dan kita memang ada skim ini yang kita jalankan. Skim ini akan kita lihat supaya salah satu daripada perkhidmatan yang diberikan, cuma Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim mengatakan tadi bahawa pinjaman persendirian (peribadi) (personal loan) dan pinjaman perumahan juga diberi oleh bank ini, tetapi pinjaman perumahan yang diberi bukan untuk spekulatif, tetapi untuk pemilik. Di sini pihak bank akan menentukan bahawa mereka yang meminjam itu bukan untuk meminjam untuk membeli rumah kedua atau rumah ketiga, tetapi untuk mendapatkan bumbung di atas kepala mereka supaya dapat mereka dilindungi hujan dan panas.

Mengenai perkhidmatan-perkhidmatan Islam yang disarankan, saya juga ingin memberitahu bahawa akaun 'Al-Wadiah' bilangan penyimpan ialah sebanyak 19,627 dan jumlah simpanannya ialah sebanyak RM19.84 juta yang telah pun diberi perkhidmatan.

Satu lagi skim Islam yang dijalankan ialah Skim Mudarabah, bilangan sijil yang telah pun dikeluarkan sebanyak 88 dan jumlah simpanan ialah 880 dan jumlah simpanan ialah sebanyak RM2.48 juta. Selain daripada itu perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan ialah akaun simpanan biasa, akaun simpanan tetap, simpanan dari pendapatan,

skim GIRO yang diperkatakan tadi dan bilangan cawangan makin bertambah. Bilangan cawangan ialah 471 dan bilangan ATM ialah 589.

Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim juga telah menyatakan bahawa banyak duit hilang dan duit ini telah pun saya perkatkan di Dewan Rakyat dahulu, bahawa permasalahannya ialah mengenai duit yang dikeluarkan daripada ATM. Apa yang berlaku sekarang ini ialah di mana apabila kita memasukkan kad untuk mendapatkan duit, kita akan masukkan pin nombor kita dan kadang-kadang ramai daripada segi saiznya. Yang Berhormat ahli-ahli wanita kita ini lebih rendah daripada lelaki kebanyakan, kadang-kadang orang lelaki di belakang dia akan hafal pin nombor itu. Jadi, kalau pin nombor 784 dia akan hafal 784 dan selalunya apabila mereka dapat duit dia punya resit itu yang menunjukkan jumlah terakhir dana yang ada dalam bank, dalam simpanan itu dicampak begitu sahaja. Di situ ada akaun nombor dan dia mengingat pin nombor, jadi dicantumkan kedua maka banyaklah masalah ini berlaku. Kita telah pun menyatakan kepada penyimpan-penyimpan ATM supaya apabila mengeluarkan wang dapat berhati-hati mengenai perkara ini.

Mengenai jumlah kecil....

Puan Kamilia binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu adakah kajian dibuat mengatakan wanita itu sebab dia rendah it is fact? Dengan izin.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat, lazimnya sebab Yang Berhormat dari kaum wanita, orang lelaki pun ada juga yang rendah (short people). Tetapi lazimnya kalau mengikut dari segi kelaziman dan dari segi banci, lelaki lebih tinggi daripada wanita dan kebanyakan kalau wanita yang tinggi itu dia akan

memakai selipar tidak memakai kasut tinggi, kerana dia akan tinggi daripada lelaki. Orang Melayu kata kalau perempuan lebih tinggi daripada lelaki menjadi suami-isteri rezeki murah katanya. *[Ketawa]* Jadi, di sinilah kita mengharapkan kalau boleh nanti pengguna-pengguna ATM apabila membuat pin nombor dan sebagainya, kalau ada dua tiga orang rakan sama-sama dapat kita lindungi daripada orang yang di belakang, yang mungkin lebih tinggi dan dapat melihat pin nombor itu, diingatkan dan selepas itu dihafalnya. Kalau misalnya keratan resit itu dibuang begitu sahaja mereka akan mengambil nombor akaun. Di sini banyak berlaku di tempat-tempat ATM yang banyak kita terima masalah duit hilang, walaupun tidak dikeluarkan melalui kad mereka.

Satu lagi mengenai pengurusan, Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim telah pun mengingatkan bahawa pengurusan kita supaya kos efektif dan kos efisien, saya mengambil maklum bahawa tentang perkara ini kerana kita tahu bahawa kepakaran kita dalam bidang institusi perbankan ini amat berkurangan. Apa yang dibuat oleh BSN sekarang ini apabila seorang itu masuk sahaja ditawarkan, mereka akan dihantar kursus untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kemahiran mereka dari segi tugas. Kursus ini akan diberi bukan sahaja apabila masuk tetapi 'on going', dengan izin, dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah pun mengatakan mengenai kalau boleh BSN ini ditempatkan juga di ceruk-ceruk FLECRA di mana apabila FELCRA ini akan diswastakan dan kita mengharapkan bukan sahaja BSN bergerak yang sekarang ini dijalankan. Kita akan mengambil perhatian ini dan kita akan cuba melihat supaya ia lebih kos efektif dan kos efisien dapat kita mencantumkannya dua-tiga tempat pada satu bank. Kalau misalnya tidak boleh juga kita kena membuat reach out program sepertimana yang dikatakan bank bergerak.

Mengenai hadiah-hadiah pelajar ini saya tertarik apa yang disyorkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail tadi, setahu saya macam Persatuan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri-menteri (BAKTI) mempunyai hadiah-hadiah untuk pelajar-pelajar yang terbaik dan selalunya apa yang diminta supaya dapat buku BSN dan duit itu akan dimasukkan ke dalam buku BSN, disuruh membuka akaun dan sebagainya supaya mereka dapat memasukkan buku-buku dalam BSN dan buku ini disimpan oleh guru yang berkenaan di sekolah. Ini tidaklah disalah guna, kadang-kadang ibu bapa pula meminta buku BSN anak-anak mereka dan duit itu dikeluarkan dan dibelikan cerut ataupun rokok dan lain-lain.

Segala pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat kita akan mengambil kira dan segala jawapan yang tidak saya jawab di sini, pegawai-pegawai saya akan mengambil maklum perkara ini dan saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 94 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENGGALAKAN PELABURAN
(PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.28 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

[Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Ding Seling: Sila.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997 ini adalah bagi membolehkan insentif-insentif yang diumumkan dalam Belanjawan 1997 iaitu untuk memperkukuhkan rantaian industri tempatan menggalakan industri pelancongan domestik dan mendorong pembangunan industri multimedia dilaksanakan dan supaya beberapa pindaan bagi memperkemaskan peruntukan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibuat.

Insentif bagi memperkukuhkan rantaian industri tempatan ialah pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun bagi taraf perintis selama 5 tahun atau pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun bagi elaun cukai pelaburan sebanyak 60% selama 5 tahun bagi syarikat-syarikat vendor termasuk IKS yang mengeluarkan barangan perantara dalam skim yang diluluskan.

Bagi syarikat vendor yang mengeluarkan barangan perantara dalam skim diluluskan, yang boleh bersaing di pasaran antarabangsa atau dengan izin, bertaraf world class diberikan galakan taraf perintis selama 10 tahun dengan pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun. Satu garis panduan yang menggariskan kriteria dan syarat-

syarat kelayakan untuk mendapatkan insentif ini akan dikeluarkan oleh MITI secara berasingan.

Insentif-insentif bagi mendorong pembangunan industri berintensifkan maklumat adalah pemberian galakan taraf perintis sehingga 10 tahun atau elaun cukai pelaburan sehingga 100%. Insentif taraf perintis atau elaun cukai pelaburan ini diberikan di bawah projek strategik dan mempunyai kepentingan negara sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 4A Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Insentif bagi memperkukuhkan rangkaian industri tempatan ialah pengecualian cukai seratus peratus ke atas pendapatan berkanun bagi taraf perintis selama lima tahun ataupun pengecualian cukai seratus peratus ke atas pendapatan berkanun bagi elaun cukai pelaburan sebanyak 60% selama lima tahun bagi syarikat-syarikat vendor termasuk IKS yang mengeluarkan barangan perantara dalam skim yang diluluskan. Bagi syarikat vendor yang mengeluarkan barangan perantara dalam skim diluluskan yang boleh bersaing di pasaran antarabangsa atau, dengan izin, bertaraf world class diberikan galakan taraf perintis selama 10 tahun dengan pengecualian cukai seratus peratus ke atas pendapatan berkanun. Satu garis panduan yang menggariskan kriteria dan syarat-syarat kelayakan untuk mendapatkan insentif ini akan dikeluarkan oleh MITI secara bersaing.

Insentif-insentif bagi mendorong pembangunan industri berintensifkan maklumat adalah pemberian galakan bertaraf perintis sehingga 10 tahun atau elaun cukai pelaburan sehingga seratus peratus. Insentif taraf perintis atau elaun cukai pelaburan ini diberikan di bawah projek strategik dan mempunyai kepentingan negara sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 4A Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Insentif-insentif bagi mempertingkatkan prestasi sektor pelancongan domestik pula adalah insentif taraf perintis atau elaun cukai pelaburan bagi projek-projek pelancongan seperti berikut:

- (a) pembinaan hotel kelas sederhana satu dan dua bintang dan ekonomi tiga bintang yang disahkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan;
- (b) pembesaran atau pemodenan hotel yang sedia ada;
- (c) pembinaan kawasan kem percutian atau dengan izin, holiday camp dan rekreasi termasuk, dengan izin, summer camp; dan
- (d) pembinaan pusat persidangan dengan dewan yang boleh memuatkan 3000 orang.

Insentif-insentif bagi menggalakkan industri pelancongan domestik ini hanya memerlukan tindakan penwartaan terhadap senarai keluaran dan produk yang digalakkan bagi membolehkan dilaksana.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini definisi syarikat berkaitan di dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 didapati kurang jelas dan mengelirukan. Untuk menjelaskan dan memperkemaskan takrif tersebut pindaan ke atas seksyen 2(1) dalam Fasal 2C rang undang-undang ini dibuat bagi memberikan definisi khusus syarikat berkaitan iaitu sebagai syarikat yang pegangan ekuitinya adalah sekurang-kurangnya 20%.

Selain daripada itu, Fasal 11 rang undang-undang ini pula mencadangkan pindaan ke atas seksyen 41B(1)(a) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 untuk melanjutkan tanpa had tempoh bagi tahun takrif layak menikmati galakan elaun infrastruktur bagi insentif koridor pantai timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini mempunyai peranan penting dalam memperkukuhkan rantaian industri tempatan, mempertingkatkan pelancongan domestik dan mendorong pembangunan industri berintensifkan maklumat. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah, sila.

5.38 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun sekali lagi untuk turut membahaskan suatu akta untuk meminda Akta penggalakan Pelaburan 1986. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah pun membentangkan akta ini sebentar tadi dan saya kira pembentangan akta ini amat penting kepada situasi perniagaan di negara kita pada masa ini. Kita tahu bahawa penggalakan industri sebagaimana yang dibincangkan dalam sesi Soal Jawab tadi daripada perancangan yang pertama sekarang kita telah beralih kepada pembangunan rancangan industri yang kedua di negara kita.

Kita berharap dengan adanya penggalakan-penggalakan pelaburan ini akan lebih memajukan dan memantapkan lagi perniagaan di negara kita dan akan dapat memberi sumbangan, pendapatan dan juga dapat mengurangkan pengangguran di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menyentuh beberapa perkara. Pertamanya, dari segi galakan-galakan pelaburan yang telah pun diluluskan di dalam Belanjawan baru-

baru ini. Kita berterima kasih kepada pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kerana usaha-usaha di dalam menggalakkan perindustrian negara kita ini memang ternyata, memang kita telah dapat melihat kemajuannya dan ramai yang telah dapat menikmatinya sama ada mereka yang telah pun mendapat sumbangan secara terus dan juga kita seluruh rakyat Malaysia yang mendapat sumbangan secara tidak langsung daripada pembangunan pesat negara kita. Kita mengucapkan tahniah kepada keseluruhan sama ada menteri, timbalan menteri dan keseluruhan kakitangan di kementerian yang saya kira telah menunjukkan prestasi yang amat cemerlang dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi iaitu mengenai galakan-galakan pelaburan yang telah pun diluluskan oleh Belanjawan baru lalu. Saya kira galakan-galakan pelaburan ini perlu diberikan suatu promosi ataupun mungkin yang tepatnya makluman secara meluas terutamanya kepada bumiputera yang terlibat dalam perniagaan. Mungkin ada pihak-pihak bumiputera yang terlibat dalam perniagaan tidak menyedari ada galakan-galakan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Memang kita tahu bahawa kementerian ini telah pun menunjukkan satu pencapaian yang cemerlang, mempromosikan perniagaan-perniagaan dan menarik pelabur-pelabur daripada luar negara ke dalam negara dan dalam masa yang sama kita berharap kementerian juga memberi penekanan kepada menggalakkan pelabur-pelabur tempatan terutamanya pelabur-pelabur dan juga peniaga-peniaga bumiputera.

Baru-baru ini kita berbincang mengenai kekurangan ekuiti bumiputera dalam penguasaan bangunan dan sebagainya. Kurangnya bumiputera pertengahan yang ada dalam negara kita. Saya kira ia berpunca daripada kurangnya bumiputera melibatkan diri dalam bidang perniagaan itu sendiri kerana itu bumiputera hari ini belum mampu lagi memiliki bangunan-bangunan walaupun bangunan-bangunan yang berharga cuma dalam

RM100,000 atau RM100,000 lebih. Banyak bangunan yang telah dibina dalam negara kita tetapi tidak dapat dibeli oleh kaum bumiputera kerana bumiputera tidak ada kemampuan dan memang kita tahu bahawa peniaga-peniaga bumiputera kadangkala terikat ataupun kata orang, 'round the bush' apabila menghadapi masalah pinjaman, kredit, masalah kekurangan pengalaman dan juga dalam masa yang sama mengejar kemajuan teknologi, akhirnya ada insentif-insentif ataupun ada peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan tetapi tidak dapat dikesan dan tidak dapat dimaklumi oleh mereka.

Oleh itu saya berharap kementerian ini supaya selain daripada kita menggalakkan pelabur-pelabur luar, menggalakkan perindustrian, wujudkanlah bahagian-bahagian ataupun badan-badan ataupun apa jua dalam kementerian yang mempunyai perdampingan yang rapat dengan peniaga-peniaga terutamanya peniaga bumiputera yang harus diberi bimbingan dan juga sokongan maklumat kepada mereka supaya mereka dapat menjuruskan pengalaman dan pengetahuan mereka jika ada dalam perniagaan ini serta mengambil peluang dalam insentif-insentif yang disebutkan tadi.

Saya berharap dewan-dewan perniagaan Melayu dapat menjalankan peranan mereka supaya maklumat-maklumat ini dapat disampaikan. Tidak ada gunanya dan tidak banyak manfaatnya jika sekiranya akta ini kita luluskan tetapi yang dapat mengambil manfaat ini mungkin pelabur-pelabur asing, sedangkan pelabur-pelabur kita masih lagi dalam keadaan yang terumbang-ambing dan tidak dapat memajukan diri mereka sehingga sebagaimana saya sebut tadi penguasaan bangunan, peratusan yang begitu rendah - 6% ataupun 7% di bandar-bandar sedangkan kita ada agensi UDA yang diberi tanggungjawab untuk menentukan supaya penguasaan ini dapat berlaku tetapi sebenarnya tidak dapat berlaku.

Begitu juga dari segi pencapaian ekonomi. Selepas Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan kita belum pun mencapai 30%, tahun lalu baru 26.6% ataupun 26 4%. Saya kira ini amat menyayat hati kita. Kalau kita berada dalam Dewan ini tetapi kita tidak dapat menentukan supaya pengagihan dan juga penglibatan bumiputera dapat ditentukan, saya bimbang kerana kita bukan hendak menafikan kewujudan bukan bumiputera tetapi saya percaya bukan bumiputera, kaum Cina, kaum India, misalnya mereka telah maju dalam bidang ini tetapi jika ada keadaan pengagihan yang tidak adil ini akan timbul rasa tidak puas hati, satu ketika nanti kita takut peristiwa 13 Mei yang mana pernah berlaku nanti - kita harap tidak akan berlaku tetapi salah satu sebab peristiwa ini berlaku adalah kerana susunlapis masyarakat pada waktu itu yang jelas menunjukkan penjurusan-penjurusan yang tertentu, misalnya orang-orang Melayu tinggal di kampung, dalam bidang ekonomi kaum Cina dalam perniagaan, kaum India di estet. Ini adalah satu ancaman kepada masa depan negara. Apabila kita menyedari keadaan ini selepas 13 Mei kerajaan telah menyusun satu usaha-usaha pembangunan yang hari ini nyata telah membawa negara kita ke satu tahap di mana kita dapati keseluruhan rakyat pada umumnya puas hati. Jadi, kita harus menentukan supaya kita jangan balik kepada keadaan yang lama di mana ada satu-satu pihak yang ketinggalan sehingga menyebabkan tidak puas hati kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Satu lagi perkara yang ingin saya sentuh di sini iaitu mengenai - disebut tadi rangkaian perniagaan. Saya hendak menyentuh ini mungkin bukan Kementerian Yang Berhormat. Kemungkinan ada hubungkaitnya dengan Kementerian Yang Berhormat iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan telah pun mengadakan rancangan vendor-vendor yang telah pun dilancarkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Beberapa vendor telah dikenalpasti, francais-francais telah pun dikenalpasti tetapi daripada

pamphlet-pamphlet yang telah saya lihat - saya tidak ada peluang hendak bercakap dengan kementerian yang berkenaan. Mungkin boleh bercakap dengan kementerian Yang Berhormat, agaknya kementerian ini bolehlah memanjangkan apa yang akan saya sebutkan.

Saya dapati bahawa francais-français dan vendor-vendor yang dicadangkan di bawah kementerian ini, apabila satu syarikat yang telah maju ingin memanjangkan rangkaian-rangkaian mereka, mereka telah memberi peluang kepada vendor-vendor bumiputera untuk melibatkan diri tetapi saya lihat daripada pamphlet itu disebut 'fees' - bayaran untuk mendapatkan vendor itu. Saya tahu mungkin ada term yang lebih sesuai, bayaran untuk mendapatkan vendor-vendor itu terlalu tinggi. Misalnya, kalau Habib Jewel RM150,000, RM200,000 ada yang RM50,000, RM30,000. Ini kalau ada peniaga-peniaga bumiputera yang hendak masuk perniagaan dia sudah kena keluarkan duit, bukan under-table, on-the-table, dengan izin. Tetapi, duit ini saya rasa bukan kos perniagaan, ini membeli perniagaan.

Jadi, kalau sekiranya saya mempunyai satu syarikat yang telah pun maju ataupun syarikat yang berjenama dengan saya mewujudkan vendor-vendor di seluruh negara, dan saya mengutip RM15,000, RM30,000 dari setiap vendor-vendor yang saya wujudkan, kalau saya tidak berniaga pun saya telah dapat satu keuntungan yang telah jelas kepada induk tetapi anak-anak syarikat yang ditubuhkan ini kita belum tahu lagi sama ada mereka dapat maju ataupun tidak.

Ada satu vendor yang telah pun - sebagaimana yang saya sebutkan tadi di bawah kementerian, saya terima kasih juga sebab kementerian ini ada usaha-usaha untuk menjalankan vendor-vendor ini tetapi perkara ini perlu dikaji. Vendor ini membekalkan barangan dan apabila anak syarikat yang dilantik di negeri-negeri, satu negeri misalnya, saya di Perlis, saya bertanya kepada syarikat berkenaan berapa vendor akan dilantik, tujuh

vendor akan dilantik di Kargar daripada syarikat yang berkenaan, mungkin menjual barangan elektrik dan sebagainya, tujuh vendor akan dilantik. Setiap vendor mendapat pinjaman daripada kerajaan RM50,000 melalui GEC. Maknanya, kerajaan mengeluarkan peruntukan pinjaman kepada syarikat yang mungkin tujuh tadi dan mereka dibekalkan dengan barangan. Syarikat induk mendapat untung yang sudah tentu untung pada peringkat awal membekalkan barangan, sudah mendapat keuntungan sebab barangan yang dibekalkan sudah tentu ada margin di situ dan dia mengenakan syarat untuk mendapat vendor ini beberapa ribu yang tertentu. Dalam masa yang sama pinjaman kerajaan dapat kepada syarikat induk.

Jadi, saya kira kerajaan dalam usaha untuk memajukan bumiputera ini harus meneliti dan melihat, kalau pun kita hendak mewujudkan vendor-vendor ini pastikanlah vendor-vendor ini, syarikat induk dan syarikat yang akan ditubuhkan ini ada perkongsian yang tulus dan ikhlas. Perkongsian yang menentukan bahawa perniagaan ini akan maju bersama dan vendor-vendor ini juga akan dapat anak-anak mentor-mentee ini akan dapat betul-betul dimajukan dan kita akan membangun bersama. Bukan mendapat keuntungan dalam masa kewujudan vendor ini melantik sebanyak mana yang mungkin dan mungkin business hit and run, dengan izin, akan memberi keuntungan yang cepat, macam Pak Man Telo, cepat dapat untung lepas itu mungkin anak syarikat ini pun akan gulung tikar dan banyak lagi syarikat bumiputera yang akan rugi. Bukan membanyakkan syarikat bumiputera. Mungkin hujah-hujah saya ini tidak tepat tetapi saya ingin menyampaikan juga pandangan ini supaya kementerian boleh melihat dan mengkaji kalau sekiranya ada di mana-mana kelemahan boleh diperbaiki kerana hasrat kita, sebagaimana saya sebut tadi kita hendak supaya penglibatan ini benar-benar dapat berlaku dan bilangan yang sustain, yang benar-benar maju dalam perniagaan ini dapat kita wujudkan.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya merayulah kepada kementerian ini, kalau sebut tadi koridor Pantai Timur, koridor Sabah/Sarawak, bagi kami terutamanya

negeri kecil, negeri di utara, jauh, di Perlis walaupun duduk dalam segi tiga, tetapi hari ini belum lagi nampak pembangunan. Walaupun kita cuba hendak bawa industri sebab kita jauh ketinggalan. Saya nampak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Perlis itu berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan industri, tetapi kita ada banyak kelemahan. Kita harap kementerian akan dapat memberikan perhatian kepada negeri-negeri yang ketinggalan. Saya bukan bercakap untuk Perlis sahaja, tetapi semua negeri yang ketinggalan dari segi pembangunan industri ini supaya pengagihan dan juga kesejahteraan ini dapat kita nikmati bersama dan setara ataupun ada perimbangan di seluruh pelusuk di negara kita.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali mengucapkan tahniah dan juga terima kasih di atas kejayaan kementerian untuk membentangkan akta meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan saya turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Ya, Yang Berhormat Tuan Rosli.

5.47 ptg.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya menyokong bacaan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Pertamanya saya merakamkan ucapan tahniah kepada kementerian kerana bersikap begitu proaktif dalam menangani permasalahan yang mungkin kita hadapi khususnya beberapa sektor yang senantiasa kita bicarakan. Dalam hal pembentangan akta ini, saya ingin menarik perhatian kepada kementerian dan kerajaan iaitu beberapa perkara yang berkaitan dengan permasalahan vendor dan masalah anchor company, dengan izin, syarikat ibu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita lihat dari segi khususnya ahli-ahli perniagaan bumiputera, memang mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu terutama sekali dalam memenuhi tuntutan agenda ekonomi negara walaupun hasrat dan cita rasa kerajaan dalam Dasar Ekonomi Negara mahu melibatkan bumiputera secara saksama. Jadi, kadang-kadang kita melihat dari pandangan beberapa NGO yang berkepentingan kepada usahawan bumiputera sebagaimana rakan saya mengatakan tadi iaitu maklumat. Walaupun sebelum ini kita berterima kasih kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang senantiasa mengambil kira pandangan NGOs seperti Dewan Perniagaan Melayu, Cina, India dan dewan perniagaan peringkat nasional dalam menukarkan fikiran, tetapi kita dapati di peringkat pelaksanaannya ada beberapa yang perlu diselaraskan oleh dua kementerian iaitu masalah peranan membangunkan usahawan bumiputera kecil dan sederhana dalam perkara-perkara yang berkait dengan vendor dan anchor company.

Tuan Yang di-Pertua, ada syarikat-syarikat gergasi bumiputera yang telah diswastakan senantiasa menjadi tempat khususnya oleh organisasi dewan perniagaan Melayu dan juga oleh agensi-agensi kerajaan dan pimpinan kerajaan supaya ahli korporat gergasi bumiputera khususnya kalau setakat ini kita tahu seperti DRB-HICOM sebagai contoh, dengan izin, senantiasa ditekankan masalah penyertaan bumiputera di dalam skim vendor ataupun skim mendapatkan agihan kontrak. Tetapi kita senantiasa lupa bahawa dalam membangunkan negara ini, banyak di antara syarikat gergasi bukan bumiputera yang senantiasa mempunyai lesen yang eksklusif.

Sebagai contoh kalau saya boleh kemukakan ialah seperti Genting Berhad. Kita tidak tahu peranan syarikat gergasi bukan bumiputera di negara kita ini sama ada dapat menterjemahkan hasrat dan cita rasa pimpinan negara khususnya usaha-usaha yang

dijalankan oleh beberapa kementerian yang berkaitan dengan pembangunan usahawan kecil dan sederhana bumiputera, seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan juga Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya sama ada menteri atau timbalan menteri ataupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, rakan saya dalam pimpinan Pergerakan Pemuda sebenarnya, sebelum ini telah menggariskan secara tidak rasmi supaya mengenalpasti beberapa syarikat gergasi bumiputera dan syarikat gergasi bukan bumiputera sama-sama bergabung tenaga supaya hasrat, cita rasa dan harapan pimpinan negara dan kita semua ini dapat kita capai dalam masa yang terdekat.

Apa yang sedang berlaku sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah maklumat kepada akar umbi usahawan kecil dan sederhana. Berkemungkinan kita mempunyai unit-unit tertentu di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan kita juga mempunyai unit perancangan dan unit pembangunan usahawan bumiputera di Kementerian Pembangunan Usahawan, tetapi maklumat-maklumat ini penting kerana di peringkat pelaksanaan, bumiputera khususnya yang kecil dan sederhana senantiasa di dalam keadaan keterpinggiran kerana kita tahu sebagaimana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan tadi bahawa maklumat adalah penting dalam usahawan kecil dan sederhana mesti diperolehi oleh mereka kerana kita tahu pembangunan usahawan bukan sahaja usaha kerajaan semata-mata tetapi ia juga merupakan usaha dan kebolehan serta ketahanan usahawan bumiputera itu sendiri.

Dengan secara positifnya apabila melihat beberapa kelemahan usahawan kecil dan sederhana, saya memohon kepada kementerian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri supaya dapat menggariskan beberapa langkah dan strategi bagaimanakah bentuk kita dapat mengusahakan supaya syarikat gergasi bumiputera yang memang pun telah

berjalan begitu baik setakat ini dengan memberi skim-skim vendor dan memberi kontrak-kontrak kecil kepada usahawan kecil dan sederhana bumiputera. Tetapi kita masih tidak yakin, kita bukan mempermasalahkan nasionalistik tetapi atas dasar kita sama-sama bertanggungjawab untuk membangunkan negara ini dari segi pembangunan usahawan kontraktor ataupun usahawan kecil dan sederhana melalui syarikat gergasi bumiputera yang dipunyai secara eksklusif oleh bukan bumiputera.

Saya merayu supaya satu usaha yang lebih pragmatik dan mempunyai keikhlasan kerana banyak di antara lesen dan syarat yang telah dibenarkan kepada syarikat-syarikat gergasi bukan bumiputera banyak berlaku tidak dapat diterjemahkan di peringkat akar umbi untuk kepentingan usahawan kecil dan sederhana bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang lalu kita telah mendengar daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkenaan dengan pembangunan koridor kedua di Pantai Timur. Walaupun kita agak berpuas hati dengan apa yang sedang berlaku di pesisiran Pantai Timur, Malaysia Barat tetapi masih banyak di antara infrastruktur yang perlu disediakan oleh beberapa kementerian dan kerajaan pusat supaya pembangunan industri pesisiran pantai, umpamanya industri petro-kimia, minyak dan gas di Pahang dan di Terengganu dapat diperkukuhkan. Semua ini adalah memerlukan satu usaha sama dan rangkaian di antara kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan pusat.

Saya berkeyakinan sikap proaktif Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mungkin dapat diperkukuhkan selepas kita melihat banyak di antara perkara yang perlu diasaskan. Sebagai contoh, kalau kita baca, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah mencadangkan sebuah landasan kapal terbang peringkat antarabangsa perlu diwujudkan sama ada di Kerteh ataupun di pedalaman Dungun kerana ianya sesuai untuk menggabungkan usahawan, pelancong ataupun hubungan

antarabangsa di peringkat Pantai Timur, khususnya bagi menggabungkan sekurang-kurangnya tiga negeri selepas pembangunan highway Pantai Timur dilaksanakan nanti. Sekurang-kurangnya perhubungan antarabangsa di ketiga-tiga negeri, Kelantan, Terengganu dan Pahang dapat diperkukuhkan sekiranya prasarana seperti landasan kapal terbang antarabangsa ini dapat diwujudkan dengan secara kalau tidak sama pun dengan Kuala Lumpur International Airport, Sepang sekurang-kurangnya hampir-hampir sama.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dari segi jangka panjangnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kementerian dapat mengambil tindakan yang proaktif kerana semua ini, dari segi jangka panjangnya saya berkeyakinan dapat memberi keuntungan bukan sahaja kepada usahawan di sebelah Pantai Timur tetapi ianya sekali gus dapat menggabungkan kedudukan pembangunan usahawan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan kepada kementerian supaya senantiasanya mempunyai hubungan yang akrab dengan beberapa dewan-dewan perniagaan khususnya dewan perniagaan Melayu walaupun sekarang ini telah mempunyai hubungan yang agak intim, tetapi banyak di antara program-program kementerian sebagaimana rakan saya tadi menyatakan bahawa banyak di antara perubahan-perubahan, maklumat-maklumat harus mendapat timbal balas di antara permasalahan yang dihadapi oleh usahawan-usahawan bumiputera dengan perkara-perkara dasar yang ingin dilaksanakan oleh kementerian. Jadi, moga-moga perhubungan dua hala ini akan mencetuskan natijah yang baik kepada perkembangan usahawan di negara kita, khususnya bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon juga kepada kementerian supaya mengkaji balik beberapa sektor yang kita lihat bumiputera agak ketinggalan iaitu berkenaan dengan perkara-perkara yang berkait dengan sektor yang tidak diceburi.

Maksud saya, supaya kementerian kalau boleh membuat kajian secara lengkap status ataupun kedudukan struktur serta peratusan mengikut sektor.

Sebagai contoh, automobil, dari segi anchornya siapa di Malaysia dan bagaimanakah bentuk di peringkat pertengahan dan juga di peringkat pembuat ataupun usahawan kecil. Kemudian, mungkin dari segi pengilangan yang berbentuk sektor-sektor yang berkait dengan masalah pembuatan yang mana memerlukan beberapa skim penyokongan daripada industri kecil.

Jadi, semua ini perlu disektorkan dan saya berkeyakinan sudah ada directory melalui FMM, dengan izin, ataupun kementerian tetapi bolehlah diperkukuhkan lagi melalui satu unit yang boleh difikir kalau telah sedia ada, kita bersyukur, alhamdulillah, dan kalau belum ada, kita cadangkan supaya kementerian mempunyai satu unit supaya perkara ini dapat disalurkan dengan sebaik mungkin, khususnya kepada dewan-dewan perniagaan Melayu dan usahawan-usahawan di seluruh pelosok negara.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat menjawab.

5.59 ptg.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada dua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah bangun membahaskan rang undang-undang ini.

Kepada Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah Husin, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan seluruh ahli keluarga MITI mengucapkan terima kasih atas ucapan tahniah tadi. Saya juga bagi pihak seluruh keluarga MITI mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat di atas kepekaan dan keprihatinan Yang Berhormat terhadap Pelan Induk Perindustrian Kedua yang dibangkitkan.

Di sini, saya ingin juga mengambil kesempatan untuk menjawab cadangan Yang Berhormat Tuan Rosli mengenai kajian yang seharusnya dibuat mengikut sektor. Sebenarnya kajian dibuat adalah Pelan Induk Perindustrian Kedua 1996 sehingga tahun 2005, di mana pendekatan pembangunan perindustrian berasaskan kelompok-kelompok industri dan juga strategi perkilangan plus-plus, dengan izin, yang diterapkan dalam IMP2

ini, akan menyediakan asas untuk mencapai sektor perindustrian yang berasas luas, berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Teguran-teguran dan cadangan-cadangan kedua-dua Ahli Yang Berhormat mengenai penglibatan bumiputera juga ada kaitan dengan Pelan Induk Perindustrian Kedua ini, di mana keperluan yang dikenal pasti harus ditangani dan juga dihadapi adalah seperti berikut. Isu pasaran, isu rangkaian dan rantaian menjadi nadi bagi daya saing kelompok perindustrian. Pembangunan perindustrian berasaskan kelompok memberikan rangka asas yang menangani isu pasaran, rantaian dan rangkaian yang saya sebutkan tadi. Peluang untuk syarikat-syarikat dalam negeri, khususnya industri kecil dan sederhana mencapai ekonomi ikut skala, memperluaskan operasi yang berganding dengan rangkaian yang diperkukuhkan akan membolehkan sumber dioptimumkan serta aktiviti nilai ditambah juga dapat ditingkatkan.

Peranan industri dan perkhidmatan sokongan yang kritikal menuntut penekanan kepada rangkaian perindustrian serta industri sokongan dan perkhidmatan kritikal akan menyumbang kepada pengembangan sektor perkilangan yang bersepadu. Ini semua bermakna bahawa tunjang dan tulang belakang kepada pelan induk ini semestinya adalah industri-industri kecil dan sederhana yang merupakan industri-industri sokongan yang dapat menjadi perantara di antara syarikat-syarikat gergasi, sama ada syarikat-syarikat gergasi bumiputera atau bukan bumiputera. Memang tidak boleh saya nafikan bahawa penglibatan bumiputera di dalam sektor IKS masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan bukan bumiputera.

Mengikut census yang dibuat oleh Kementerian MITI pada tahun 1993-1994, didapati daripada sejumlah 11,855 IKS yang ada, hanya 20% terdiri daripada bumiputera, 71% dimiliki oleh bukan bumiputera, dan kebanyakan penglibatan bumiputera ini pula di

dalam sektor tradisional, seperti makanan dan minuman, berasaskan kayu dan segelintir dalam core aktiviti perkilangan.

Dasar Pembangunan Negara yang telah diterima pakai memerlukan bahawa di dalam semua program pembangunan perlu diwujudkan penglibatan bumiputera. Malah adalah menjadi matlamat kerajaan supaya melalui beberapa program pembangunan ini wujud masyarakat bumiputera di sektor komersial dan industri, dan penubuhan perbadanan industri kecil dan sederhana juga di dalam program-program pembangunan IKS akan mempunyai elemen NGP ini, di mana pertimbangan akan diberi kepada penyertaan bumiputera walaupun program yang dirancangkan bukanlah khusus kepada bumiputera.

Mengenai industri kecil dan sederhana, ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa menyedari betapa pentingnya industri sokongan dalam sektor pembuatan dan pengilangan, kerajaan telah memberi penekanan, penumpuan dan priority kepada pembangunan industri ini dalam pelan induk yang saya sebutkan tadi. Selain daripada penekanan di dalam pelan induk, perbadanan pembangunan industri kecil dan sederhana menunjukkan wujudnya perbadanan ini, menunjukkan kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serius dalam menyelaraskan pelaksanaan dan operasi IKS dalam Dasar Perindustrian Negara.

Saya ingin menekankan di sini bahawa di bawah IKS atau perbadanan Small and Medium Scale Industry Development Corporation (SMIDEC), dengan izin, beberapa skim yang disediakan telah pun wujud dan ada priority diberikan kepada bumiputera, tetapi priority dan penekanan kita di bawah Pelan Induk Perindustrian ialah untuk membangunkan industri kecil dan sederhana secara keseluruhan, dan Skim Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana (ITAF), dengan izin, Skim

Modenisasi dan Automasi, Skim Pinjaman Mudah, tapak kilang khas IKS dan juga ekspo dan pameran IKS, semuanya telah wujud selama ini. Tetapi saya menerima baik teguran Yang Berhormat mengenai bagaimana perkara-perkara ini dan maklumat-maklumat ini boleh kita salurkan kepada industri-industri kecil dan sederhana sampailah ke peringkat akar umbi. Insya-Allah, dengan wujudnya perbadanan ini, dan inilah satu-satu perkara yang telah dibangkitkan semasa perbahasan dan pembentangan rang undang-undang untuk pembangunan IKS ini, kita dapat memastikan sedikit-sebanyak cara dan bagaimana maklumat ini sampai ke peringkat akar umbi dapat dipertingkatkan lagi.

Mengenai program-program vendor dan francais di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, cadangan, teguran dan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan saya panjangkan kepada kementerian yang berkaitan. Program yang ada kaitan dengan kementerian kami iaitu di bawah Perbadanan Pembangunan Industri kecil dan Sederhana ialah Program Rangkaian Industri atau The Industrial Linkage Programme. Satu-satunya perkara yang dibincangkan atau dipinda dalam rang undang-undang yang saya sedang bentangkan pada hari ini. Program ini adalah core programme, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada kelompok yang melibatkan rangkaian antara IKS dan juga syarikat-syarikat besar untuk mengintegrasikan IKS di dalam arus perindustrian negara. Tumpuan utama program ini adalah terhadap kumpulan industri peralatan pengangkutan yang terdiri daripada industri automatis, marin dan ruangkasa.

Di sini, saya suka memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa di bawah industri pembekalan komponen automatis, ianya adalah satu-satu bidang yang banyak IKS bumiputera yang telah berjaya. Setakat angka yang saya ada di hadapan saya, untuk vendor bumiputera 10 tahun sebanyak 71 pembekal dan 32 pembekal. Ini adalah satu

bidang yang kita boleh kata vendor-vendor bumiputera yang telah berjaya. Tetapi saya menerima hakikat bahawa ada juga lagi bidang-bidang yang harus kita tingkatkan lagi penglibatan bumiputera seperti saya sebutkan awal-awal tadi.

Kembali kepada program rangkaian industri tadi, selain daripada kumpulan industri peralatan pengangkutan yang terdiri daripada industri automatis, kumpulan industri elektrik dan elektronik termasuk telekomunikasi, kumpulan industri mesin dan kejuruteraan, kumpulan industri berasaskan sumber dan kumpulan industri kimia dan petrokimia juga menjadi kelompok-kelompok yang kita memberi penekanan. Saya akan kembali kepada kumpulan industri berasaskan sumber bila menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rosli, sahabat saya dalam Pemuda juga. Mengenai pembangunan koridor Pantai Timur dan bagaimana ianya dapat kita tekankan dalam konteks pembangunan Pelan Induk Perindustrian Kedua yang telah dibentangkan baru-baru ini.

Bagi mengoperasikan Industrial Linkage Programme, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) ini akan berhubung secara langsung dengan syarikat-syarikat IKS dan juga syarikat-syarikat besar yang berkaitan untuk ditemukan atau match making, dengan izin, program ini dapat kita sokong dan dilengkapi dengan program-program lain sebagai pembantu dan pelengkap kepada program core ini, program seperti pembangunan teknikal, program perolehan teknologi, program peningkatan kemahiran, program pembangunan eksport yang melibatkan MATRADE, MTDC dan juga NPC dan SIRIM, berbagai-bagai agensi yang telah diwujudkan semata-mata untuk memikirkan bagaimana industri kecil dan sederhana dapat betul-betul secara langsung menjadi tulang belakang dan tunjang kepada pembangunan perindustrian kita untuk jangka masa Pelan Induk Perindustrian Kedua ini.

Persoalannya sekarang sama ada kita dapat mengatasi kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai saluran maklumat kepada peringkat akar umbi dan juga masalah infrastruktur di kawasan-kawasan yang ketinggalan.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika dan juga Yang Berhormat Tuan Rosli telah mengingatkan kita bahawa pembangunan negara harus juga melihat kepada negara-negara yang mungkin agak ketinggalan. Pelabur-pelabur asing membangkitkan juga isu-isu seperti masalah mendapatkan pekerja, pengangkutan pekerja, kepakaran teknikal, bekalan elektrik, tukar syarat tanah dan bekalan air, semuanya sebagai faktor-faktor selain daripada masalah infrastruktur di negeri-negeri yang berkaitan.

Seperti disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Rosli, Kerajaan Persekutuan akan meneruskan usahanya secara proaktif bagi mengatasi masalah-masalah yang dinyatakan bersama-sama dengan kerajaan-kerajaan negeri. Saya telah pun menjawab semasa Soalan Mulut tadi bahawa salah satu forum perbincangan yang dibuat ialah melalui mesyuarat Jawatankuasa Bersama Industri di antara MITI dengan kerajaan-kerajaan negeri berkenaan yang diadakan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya hendak minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak nampak tadi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya rasa Yang Berhormat belum habis lagi menjawab. Saya ingin minta laluan dari segi penubuhan koridor-koridor perindustrian. Saya belum puas hati dengan jawapan Yang Berhormat yang menyebutkan ada diwujudkan perbincangan, kerjasama dan sebagainya. Buat masa sekarang ini, koridor-koridor pembangunan yang diwujudkan di Pantai Timur yang saya tahu dan ada beberapa tempat lagi, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan koridor di Utara ataupun satu program khusus, itu yang saya hendak dengar. Kalau ada, mungkin Yang Berhormat boleh nyatakan di sini. Terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Memang saya belum sampai ke negeri Perlis, dan saya jawab ini perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rosli mengenai koridor Pantai Timur. Saya minta Yang Berhormat sabar sedikitlah.

Mengenai mesyuarat insentif koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, termasuk juga Sabah dan Sarawak, memang kerajaan telah menyediakan insentif-insentif khusus dalam perkara ini dan kaedahnya juga, ini ada kaitan dengan Perlis, ialah melalui mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Bersama di antara MITI dan juga kerajaan-kerajaan negeri.

Dan daripada fahaman kami, perkara-perkara yang membabitkan kelemahan dan kekurangan di peringkat negeri dapat dibincangkan secara terus-terang, secara ikhlas untuk mengatasinya bersama. Kita menumpukan kepada aktiviti di pantai timur kerana memang jelas, di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, sebahagian daripada Johor iaitu di Mersing, Sabah dan Sarawak harus diberikan tumpuan kerana memang jauh dari segi pembangunannya.

Saya tidak menafikan bahawa tumpuan harus juga diberikan di Perlis, tetapi buat masa ini tidak ada koridor untuk utara kerana Pulau Pinang berkembang dengan begitu pesat sekali dan juga di sebelah utara Kedah menjadi zon yang begitu pesat membangun dan mungkin sekarang ini kita harus memikirkan bagaimana Perlis juga dapat menikmati pembangunan dan limpahan pembangunan di kawasan tersebut.

Kerajaan memang menggalakkan industri-industri yang berasaskan sumber menjalankan aktiviti mereka di negeri-negeri pantai timur Semenanjung, seperti Ahli Yang Berhormat menyebutkan tadi dan saya bersetuju sangat, terdapatnya bekalan minyak dan gas asli negeri-negeri pantai timur Semenanjung menjadi sangat menarik untuk menempatkan industri-industri hiliran petrokimia berasaskan gas asli dan juga

industri berat seperti kilang besi waja bersepadu yang juga menggunakan gas asli. Ini memang di dalam perhatian kementerian.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Mengenai dewan-dewan mengadakan hubungan yang lebih erat dengan kementerian, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa memang secara tradisinya kita memang wujud satu rangkaian dan hubungan yang begitu erat sekali dengan dewan-dewan perniagaan dan satu-satu platform yang digunakan ialah daripada dialog MITI dengan dewan-dewan perdagangan tempatan dan juga perdagangan asing di mana majlis dialog ini membincangkan kesemua isu yang dibangkitkan oleh mereka yang berkaitan kerana isu-isu tersebut telah pun kita kemukakan kepada perhatian Kabinet sebagaimana yang telah dilakukan pada tahun-tahun yang lepas.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, mungkin sekarang ini sebab kejayaan majlis dialog itu sendiri begitu banyak dewan yang terlibat dalam majlis dialog ini mungkin masa yang dibenarkan begitu terhad sekali.

Saya berharap bahawa pegawai-pegawai kementerian dan juga Timbalan Menteri dan saya sendiri mungkin juga mengadakan follow-up mengenai isu-isu yang dibangkitkan semasa majlis dialog tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain seperti yang saya sebutkan tadi, yang tidak melibatkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, saya akan majukan dan panjangkan kepada kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan dan mengenai sekiranya ada isu-isu lain yang tidak sempat saya menjawab, saya minta maaf dan akan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat kerana membahaskan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi bangun, Tuan Yang di-Pertua tidak nampak saya. *[Ketawa]* Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedikit. Sudah habis, tetapi kalau dapat penjelasan itu disambung sedikit sahaja. Ada kaitan dengan minyak ini tadi. Kalau dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah! Pendek sahaja ya?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Pendek sangat, pendek sangat! *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebutkan minyak dan gas di pantai timur yang mewujudkan industri-industri, saya hendak bertanya sedikit, minyak ini Terengganu dengan Pahang ini dekat sangat. Tetapi saya tidak pernah dengar minyak ini muncul ataupun keluar daripada sebelah Pahang ini, adakah sebab-sebab ada tebing di situakah *[Ketawa]* ataupun dia memang sengaja dia tidak hendak pergi ke sebelah Pahang ini, dia pergi ke sebelah Terengganu.

Tetapi saya seronoklah dia pergi ke sebelah Terengganu pun dapat juga. Jadi, kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, di sebelah Pahang ini sepatutnya ada juga ataupun ini satu rahsia yang tidak boleh dijawab di sini, bila kita keluar nanti bolehlah beritahu saya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Buat paip pergi ke Pahang. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya, buat paip saluran, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Ya, bersetuju!

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, bab ini tidak ada dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua. Insya-Allah, malam ini saya akan doakan banyak-banyak berkenaan hal ini. Soalan ini juga diketengahkan kepada masyarakat di Sabah kerana apa sebabnya Brunei begitu kaya dengan sumber galian tetapi insya-Allah, seperti saya sebutkan tadi, negeri Pahang mempunyai potensi yang begitu besar sekali dan dengan adanya koridor pantai timur tadi, kelebihan yang ada kepada negeri Terengganu dari segi sumber minyaknya dapat kita manfaatkan kepada negeri Pahang juga, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidangan sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JENAYAH KOMPUTER 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.20 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berkenaan dengan penyalahgunaan komputer dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kita kini berhadapan dengan abad ke-21 suatu era baru yang memberi penekanan kepada teknologi maklumat sebagai penyumbang utama kepada pembangunan negara.

Ekonomi negara kita tidak lagi boleh bergantung semata-mata kepada faktor-faktor domestik. Kita harus beralih ke arah ekonomi digital. Pembangunan industri-industri berteknologi tinggi dan yang berasaskan kepada maklumat serta pengwujudan masyarakat yang berpengetahuan dan bermaklumat adalah merupakan perkara-perkara pokok yang perlu dijadikan asas di dalam rancangan pembangunan negara.

Sehubungan dengan itu, maka kerajaan memutuskan untuk melaksanakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC). Melalui MSC struktur ekonomi negara akan dirubah daripada yang bergantung kepada pengeluaran dan eksport komoditi utama kepada berteknologi tinggi dan berasaskan informasi dan pengetahuan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Koridor Raya Multimedia ini akan meliputi kawasan seluas 750 kilometer persegi iaitu dari pusat bandar Kuala Lumpur ke lapangan terbang antarabangsa (KLIA) yang baru termasuk Putrajaya dan di dalam kawasan MSC ini teknologi-teknologi terkini dalam bidang multimedia akan diuji bagi menjadikan negara kita sebagai negara pelopor era informasi.

Walau bagaimanapun, kita tidak harus melihat MSC sebagai satu projek pembangunan yang terhad kepada kawasan yang telah ditetapkan sahaja. MSC

sebaliknya adalah merupakan suatu kawasan, dengan izin, test bed yang akan menjadi asas bagi pelaksanaan agenda IT negara.

MSC sebenarnya akan menentukan corak dan bentuk pembangunan teknologi maklumat yang akan dipanjangkan ke seluruh negara kelak. Untuk tujuan tersebut, kawasan MSC akan dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur telekomunikasi dan rangkaian multimedia berkualiti tinggi dan tercanggih.

MSC juga akan dilengkapi dengan pakej-pakej dan insentif-insentif istimewa bagi menarik penyertaan para pelabur tempatan dan asing khususnya syarikat-syarikat ternama dalam industri multimedia untuk menjadi rakan kongsi perniagaan.

Sebagai permulaannya tujuh aplikasi akan diperkenalkan di MSC iaitu:- (i)

Kerajaan Berelektronik (Elektronik Government);

(ii) Kad Pelbagai Guna (Multipurpose Card);

(iii) Sekolah Bestari (Smart Schools);

(iv) Teleperubatan atau Telemedicine;

(v) Pusat Pemasaran Tanpa Sempadan (Borderless Marketing);

(vi) Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (Research and Development Cluster); dan

(vii) Rangkaian Pembuatan Global (World Wide Manufacturing Web).

Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan semua aplikasi teknologi maklumat tersebut dapat dilaksanakan dengan lancarnya di MSC, adalah perlu diwujudkan undang-undang yang bersesuaian. Kerajaan telah mengkaji semula undang-undang berkaitan yang sedia ada untuk menentukan undang-undang tersebut tidak menjadi penghalang kepada usaha-usaha kita untuk melaksanakan pembangunan teknologi maklumat yang teratur dan mewujudkan suatu masyarakat bermaklumat.

Selain daripada itu undang-undang baru juga perlu digubal bagi memudahkan penggunaan aplikasi-aplikasi yang telah diterangkan. Undang-undang tersebut diletakkan dalam dua kategori, iaitu:-

- (i) undang-undang bagi melindungi kepentingan pengguna ataupun societal cyber laws; dan
- (ii) undang-undang yang bertujuan memudahkan perniagaan elektronik ataupun, dengan izin, commerce enabling laws.

Dan setakat ini sebanyak empat undang-undang sedemikian telah digubal dan dibentangkan di dalam sesi Parlimen yang sedang berlangsung sekarang iaitu:-

- (i) Akta Jenayah Komputer;
- (ii) Akta Tandatangan Digital;
- (iii) Akta Teleperubatan; dan
- (iv) Akta Hakcipta (Pindaan).

Satu daripada undang-undang bagi melindungi kepentingan pengguna ataupun societal cyber laws ialah Undang-undang Jenayah Komputer.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum juga, komputer mempunyai pelbagai kegunaannya. Sekiranya dahulu penggunaan komputer adalah secara, dengan izin, stand alone dan melalui rangkaian-rangkaian yang terhad. Kini, dengan ledakan teknologi maklumat komputer boleh berfungsi bukan sahaja sebagai alat berkomunikasi dan bertukar-tukar data tetapi juga sebagai saluran hiburan dan untuk mencipta grafik video. Komputer juga kini boleh dihubungkan kepada Internet bagi membolehkan kita berkomunikasi dengan seluruh dunia.

Memandangkan komputer kini akan digunakan dengan lebih meluas lagi di seluruh negara khususnya di kawasan MSC, maka adalah wajar satu sistem kawalan

diwujudkan bagi penggunaan komputer. Dalam kita menuju ke arah penggunaan transaksi elektronik dan aplikasi urusan-urusan penting, aplikasi multimedia melalui komputer, keselamatan program dan kandungan ataupun contentsnya adalah sangat penting dan harus dikawal dan dilindungi dengan ketat. Ini adalah bertujuan untuk memelihara keyakinan dan melindungi para pengguna komputer sekiranya orang-orang yang tidak mempunyai kuasa mendapat akses kepada maklumat tertentu serta mengelakkan daripada berlakunya kacau-bilau atau havoc dalam urusan-urusan penting melalui komputer.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Jenayah Komputer adalah digubal sebagai satu perundangan di bawah kategori Undang-undang Siber yang bertujuan untuk melindungi kepentingan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Jenayah Komputer peruntukan undang-undang berkaitan dengan penyalahgunaan komputer diwujudkan untuk memberi keyakinan kepada pengguna-pengguna komputer dengan mengambil kira kesalahan-kesalahan seperti berikut:-

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Mungkin ada satu, dua minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Satu, dua minit?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Satu, dua minit, sila teruskan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Kita terus?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Harap Ahli-ahli Yang Berhormat bersabarlah sekejap ya! Satu, dua minit lagi. Sila teruskan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Mungkin tidak sampai dua minit.

- (i) mendapatkan capaian tanpa kuasa (unauthorised access) termasuk juga capaian melebihi kuasa (exceeding authorised access) kepada bahan-bahan yang terkandung dalam komputer atau apa yang dipanggilkan, dengan izin, simple hacking;
- (ii) mendapatkan capaian tanpa kuasa kepada bahan-bahan komputer dengan tujuan untuk memudah atau melakukan lain-lain kesalahan;
- (iii) menjalankan modifikasi dan perubahan-perubahan ke atas bahan-bahan komputer tanpa kuasa; dan
- (iv) melakukan komunikasi yang bersalahan (wrongfull communication).

Akta ini juga membolehkan negara kita mengambil tindakan terhadap sesuatu kesalahan yang dilakukan daripada luar Malaysia yang mempunyai kesan di dalam negeri, tidak kira sama ada orang yang melakukan kesalahan itu warganegara Malaysia atau tidak.

Peruntukan sedemikian adalah perlu untuk menghalang berlakunya jenayah oleh rakyat negara asing dari luar Malaysia di samping memberi keyakinan kepada orang ramai dan para pelabur asing terhadap komitmen kita untuk mengelak dari berlakunya sebarang penyalahgunaan komputer.

Secara keseluruhannya peruntukan-peruntukan dalam Akta Jenayah Komputer mengambil kira kepentingan sesuatu program mendapat perlindungan yang secukup-cukupnya dan supaya akses hanyalah terhad kepada mereka yang mempunyai kuasa atau, dengan izin, authorisation sahaja.

Malaysia adalah merupakan di antara negara-negara pelopor di dalam memperkenalkan Rang Undang-undang Jenayah Komputer, penggubalannya dibuat

berasaskan rujukan dan perbandingan dengan akta-akta yang berkaitan di negara-negara lain.

Walau bagaimanapun, kerajaan memberi pendirian bahawa kita akan menggubalkan undang-undang ini secara dinamik dan sentiasa untuk memperbaikinya, tidak perlu dalam masa semasa, kemudian kelak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ucapan-ucapan sedemikian, saya suka memohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan rang undang-undang ini akan diadakan insya-Allah pada besok hari dan kita tangguhkan Majlis ini sehingga hari esok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.